


Jilid I
Bil. 15



Hari Selasa
26hb November, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1317]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1333]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 [Ruangan 1333]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975 [Ruangan 1333]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 26hb November, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- ” Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- ” Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- ” Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- ” Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- ” Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- ” Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

- Yang Berhormat TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

- Yang Berhormat TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan
Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S.
(Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N.,
P.J.K. (Pelabohan Kelang).

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- ” Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- ” Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- ” TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- ” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- ” TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- ” TENGGU RAZALEIGH BIN TENGGU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- ” PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- ” TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERUSAHAAN BALAK

1. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan setakat manakah mundurnya perusahaan balak sekarang seperti bilangan kilang-kilang papan dan kilang-kilang kayu-lapis yang telah ditutup dan bilangan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja, dan samada pekerja-pekerja ini telah diberikan pekerjaan di dalam sektor-sektor ekonomi yang lain.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, keadaan perusahaan membalak dan perjalanan kilang-kilang perusahaan kayu pada masa sekarang ini amatlah merosot. Ini adalah disebabkan oleh kerana kekurangan/ketiadaan pasaran kayu di dunia terutama sekali di negeri Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat. Bilangan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan dan bilangan kilang-kilang papan dan kilang papanlapis yang telah ditutup belumlah dapat diketahui dengan tepatnya buat masa ini. Mengikut laporan yang telah diterima bolehlah dikatakan beberapa kilang papanlapis di negeri ini telahpun menghentikan atau mengurangkan perjalanannya terutama sekali di negeri Trengganu dan Perak dan beberapa pekerja di kilang-kilang tersebut telahpun diberhentikan buat sementara waktu. Banyak juga kilang papan yang telah menghentikan operasinya atau mengurangkan perjalanannya kepada satu "shift" atau menjalankan kerja beberapa hari sahaja dalam satu bulan untuk memotong kayu bagi keperluan pasaran tempatan dan untuk terus memberi pekerjaan kepada pekerja-pekerja kilang tersebut.

Dipercayai pekerja-pekerja yang telah diberhentikan akan mencari kerja di lain-lain sektor ekonomi negara terutama dalam sektor pembinaan rumah, pertanian dan perusahaan. Pekerja-pekerja tersebut tentu akan dapat diambil bekerja semula dalam sektor perhutanan apabila keadaan pasaran kayu dunia pulih semula kelak.

LAPURAN BALAI POLIS SEREMBAN

2. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang Laporan No. 3294/74 daripada Polis Seremban bertarikh 15-7-1974, yang mana sebarang tindakan untuk mendakwa pesalah yang terlibat dalam jenayah yang paling serius di bawah Akta Mesin Cetak tidak diambil tindakan dan jika ya, mengapa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Polis Seremban, telah mendapat nasihat Timbalan Pendakwa Raya Negeri Sembilan mengenai laporan Balai Polis Seremban No. 3294/74 bertarikh 14-7-1974 itu. Seperti dinasihatkan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Polis tidak mengambil tindakan atas pengaduan kerana kesalahan ini adalah jenis yang tidak boleh ditangkap. Pengadu telahpun dimaklumkan secara bertulis tentang ini dan ianya bolehlah merujuk perkara itu kepada Majistret sekiranya ia ingin.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, kesalahan ini melanggar section 17 (1) dalam Printing Presses Act. Bolehkah Yang Berhormat memberikan sebab-sebabnya mengapakah tindakan tidak diambil? Adakah pihak parti itu atau orang yang berkenaan itu mengatasi undang-undang?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab tadi berkenaan dengan kesalahan ini atas nasihat Timbalan Pendakwa Raya, Polis tidak dapat ambil tindakan.

Tuan Oh Keng Seng: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, pihak polis telah memberi nasihat kepada saya supaya saya mengambil tindakan Mahkamah, ini saya rasa tidak sesuai jika tindakan itu tidak diambil oleh pihak Polis.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masalah sesuai atau tidak itu bukan perkara yang dibincangkan, tetapi bertanya adakah sedar atau tidak sedar.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi iaitu kesalahan itu bukanlah satu kesalahan

jenayah yang paling besar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Kalau Yang Berhormat telah membuat pengaduan kepada Polis dan Polis menasihatkan Yang Berhormat kalau mahu juga, mengadulah kepada Majistret; itu sahaja nasihat daripada Polis.

Tuan Oh Keng Seng: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan, apa sebabnya ada perbezaan dalam mengambil tindakan dalam hal ini, parti DAP telah dapat tindakan daripada pihak polis.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak ada kena-mengena dengan hal ini.

Tuan Oh Keng Seng: Sebab ini ada perbezaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak ada perbezaan. Soalan asal bertanya sedar atau tidak.

HOSPITAL BESAR IPOH—KECURIAN

3. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa kejadian kecurian telah bertambah di Hospital Besar Ipoh di mana harta benda pesakit-pesakit seperti botol air panas (Flasks), jam-jam tangan, pakaian dan lain-lain dicuri; jika ya, apa tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan saya tidak sedar bahawa bilangan kecurian yang berlaku di Hospital Besar, Ipoh telah bertambah. Pihak pentadbir Hospital selalu mengawasi untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya perkara seperti ini. Walau bagaimanapun, jika perlu pihak pentadbiran akan diminta mendapatkan bantuan dari Polis dalam perkara ini.

DEWAN NEGARA—HAPUSKAN

4. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada beliau akan menimbang meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menghapuskan Dewan Negara yang telah dikenali digunakan sebagai lorong pintu belakang oleh Ahli-ahli politik yang telah kalah dan yang kemudiannya dilantik memegang jawatan-jawatan Menteri.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menghapuskan Dewan Negara bagi maksud yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan ini bahawa Ahli-ahli Dewan Negara adalah dipilih dan dilantik dari orang-orang yang telah cukup dewasa iaitu berumur 31 tahun ke atas—saya bimbang ada Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang tidak layak kerana masih muda lagi—telah berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, lapangan perdagangan, perusahaan pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat.

Adalah tidak wajar Ahli Yang Berhormat itu mencadangkan menghapuskan Dewan Negara dengan sebab seorang sahaja Senator yang telah kalah dalam pilihanraya yang lalu telah dilantik menjadi Timbalan Menteri. Senator itu pun ialah seorang professional iaitu seorang Peguam yang cukup kelayakan dan kebolehan. Walau bagaimanapun, Senator itu telah meletak jawatannya sebagai Senator dan bertanding semula dalam pilihanraya yang lalu, walaupun dia tidak menang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan iaitu janganlah Ahli Yang Berhormat itu mengecilkan kebolehan atau kelayakan mereka yang telah dilantik menjadi Senator, kerana tiga (3) orang Ahli Senator yang di lantik menjadi Ahli Jemaah Menteri telah meletakkan jawatannya untuk bertanding dalam pilihanraya yang baru lepas ini. Tetapi malangnya, pihak Pembangkang, khususnya dari DAP takut pula meletakkan calon untuk melawan ke tiga-tiga orang itu, termasuk saya sendiri, dan saya sendiri rasa jatuh hati dan rasa disappointed, sebab tidak ada lawan dari DAP.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri hendak meminda supaya soalan ini ditarik balik, dan yang menyوال itu menyatakan kesal di atas satu soalan yang sangat menghina Ahli-ahli Yang Berhormat daripada sebuah Dewan iaitu Dewan Negara, Dewan yang tertinggi sekali dalam negara ini dengan menggunakan lorong pintu belakang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tidakkah Yang Berhormat hendak meminda supaya soalan ini ditarik balik?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa yang hendak ditarik lagi, soalan sudah dikemukakan dan dijawab.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Minta Ahli Yang Berhormat itu menyatakan kesal di atas soalan yang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sudah dikemukakan dan sudah dijawab.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, ini menggambarkan pihak Ahli Yang Berhormat yang menyoal itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa untuk mengelakkan rendahnya taraf Dewan Negara dari mata dan pandangan rakyat di negara kita, maka sangat mustahak perlantikan Senators tidak diasaskan sebab-sebab political. Contohnya, untuk memujuk seorang bekas Ahli Parlimen tidak bertanding lagi, sebagai bargain ia akan dilantik menjadi seorang Senator. Inilah perbuatan-perbuatan yang tidak akan meninggikan taraf Dewan Negara di mata rakyat jelata. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memersetujui bahawa di masa hadapan perbuatan-perbuatan itu dikurangkan atau diberhentikan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebenarnya, dalam Perlembagaan ada satu syarat yang mengizinkan Menteri boleh dilantik daripada mana-mana Dewan, iaitu Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Tetapi, kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab, dipersilakan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, itu hak yang ada dalam Perlembagaan, dan hak parti yang menang hendak buat apa dia suka. Bila pihak Pembangkang menang kelak, dia boleh buat apa yang dia suka.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengelakkan cakap yang tidak tentu dari pihak Pembangkang dengan pihak pemerintah, adakah Kerajaan bercadang jawatan Senator itu dibuat by election dan tidak by appointment supaya kita mendapat mandat dari rakyat?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Perkara itu luar daripada soalan asal dan menyentuh Perlembagaan. Kena pinda perlembagaan dahulu.

Tuan Luhah Wan: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak ada tetapi lagi.

Tuan Luhah Wan: Kalau saya tidak salah dalam Perlembagaan ada juga syarat mengadakan election tentang appointment of Senators.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam fasal berapa?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang guru sekolah di sini. Peguam Negara lebih tahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oleh sebab itu saya minta Yang Berhormat duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, oleh kerana dalam Perlembagaan kita ada peruntukan untuk pemilihan Senator daripada State yang mewakili State melalui proses election. Adakah Kerajaan berniat melaksanakan syarat atau fasal-fasal itu?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentu sedar dalam Perlembagaan menyatakan iaitu dua orang Ahli daripada Kerajaan Negeri hendaklah dipilih oleh State Assembly. Dipilih oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Dewan Negeri dua orang wakil bagi tiap-tiap State. Bakinya itu dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, daripada cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau hendak pinda syarat itu nantilah parti Pembangkang menang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak meminta apa-apa pindaan kepada Perlembagaan, tetapi adakah Yang Berhormat Menteri sedar dan memersetujui bahawa selain daripada amalan sekarang ialah pemilihan Senators daripada Dewan Negeri ada peruntukan atau provision for direct election. Jikalau Parlimen memersetujui adakah Kerajaan hendak melaksanakan syarat ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Perkara itu sudah jauh daripada soalan asal. Soalan asal bertanya samada pihak Menteri Undang-undang dan Peguam Negara mempersetujui atau menimbangkan meminda perlembagaan bagi menghapuskan Dewan Negara.

MAJUIKAN—MATLAMAT

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan matlamat dan kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan oleh MAJUIKAN selama ini dan pada masa akan datang dalam membantu kaum nelayan kita yang berjumlah lebih daripada 70,000 orang dan bagaimanakah pembahagian pendapatan dijalankan antara nelayan dan MAJUIKAN.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, matlamat MAJUIKAN ialah untuk memaju dan memodenkan perusahaan perikanan di negeri ini khususnya:

- (i) Untuk meninggikan taraf ekonomi dan keadaan sosial nelayan-nelayan;
- (ii) Untuk menambahkan pengeluaran ikan dan mengadakan peluang-peluang pekerjaan;
- (iii) Untuk menambahkan keluaran perseorangan serta pendapatan nelayan-nelayan menerusi cara-cara penangkapan ikan yang cekap dan moden;
- (iv) Untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan nelayan-nelayan dengan sektor yang lain;
- (v) Untuk menggalakkan penubuhan dan perkembangan perusahaan-perusahaan yang berkaitan.

Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh MAJUIKAN termasuk:

- (i) Merancang dan mengusahakan projek-projek penangkapan ikan yang menggunakan bot-bot pukut tunda moden yang besar, bot pukut jerut dan bot-bot serbaguna kecil;
- (ii) Membina dan mengurus kilang memproses udang dan ikan;
- (iii) Membina dan mengurus kilang-kilang air batu;
- (iv) Melaksana sekim pemasaran ikan dan melalui Syarikat Tunjangan membeli karung dan menjual ikan;

- (v) Mendaftar, menyelia dan mengembangkan pertubuhan nelayan.

Bantuan-bantuan yang diberi oleh MAJUIKAN kepada nelayan-nelayan secara am ialah menganjurkan penubuhan Pertubuhan Nelayan dan seterusnya mengaturkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berikut:

- (i) Mengatur untuk jualan bekalan air batu dan minyak kepada nelayan-nelayan;
- (ii) Menguruskan pemasaran hasil tangkapan nelayan-nelayan;
- (iii) Menguruskan pinjaman untuk ahli-ahli Pertubuhan Nelayan daripada Bank Pertanian dan bank-bank perniagaan yang lain;
- (iv) Memberi bantuan dalam hal-hal kemasyarakatan Ahli-ahli Pertubuhan Nelayan; dan
- (v) Membimbing nelayan-nelayan dalam hal pengurusan perniagaan.

Melalui penubuhan projek penangkapan ikan MAJUIKAN telah mengadakan peluang-peluang pekerjaan sebagai anak-anak kapal untuk menguruskan tangkapan ikan. MAJUIKAN menggunakan sistem share bahagian pendapatan tangkapan oleh bot-bot projek tangkapan ikan itu. Nelayan-nelayan yang menyertai projek tersebut telah berjaya memperolehi pendapatan yang agak tertinggi juga jika dibandingkan dengan pendapatan mereka sebelum menyertai projek MAJUIKAN itu. Pendapatan bulanan nelayan yang menyertai projek MAJUIKAN adalah di antara \$100—\$200 bagi tiap-tiap seorang nelayan.

Dalam Second Malaysia Plan MAJUIKAN mendapat peruntukan sebanyak \$16.5 juta. MAJUIKAN telah menempah 140 buah trawler. Enam puluh buah daripadanya telah siap. Dua puluh buah bot serbaguna daripada 40 buah yang ditempah telah siap. Selain daripada itu 5 buah pukut jerut dan 2 buah bot pengangkut telah juga siap.

MAJUIKAN telah menubuhkan Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia Berhad sebagai satu syarikat joint-venture bersama-sama dengan pemilik-pemilik bot dan peniaga-peniaga ikan. MAJUIKAN mempunyai modal sebanyak 60% daripada paid up capital sebanyak \$1 juta. Pusat penjualan ikan yang diselenggarakan oleh syarikat ini

ialah di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Ipoh dan Pulau Pinang manakala pusat kecil penjualan ikan pula ialah di Langkawi, Tumpat, Kuala Trengganu, Pulau Pinang dan Mersing. Syarikat ini pula telah memulakan perniagaan membeli ikan kering dan ikan bilis daripada nelayan-nelayan untuk dipasarkan. Pemasaran ikan yang teratur ini telah dapat memperbaiki lagi pemasaran ikan nelayan-nelayan yang mana jauh lebih baik daripada masa-masa yang telah lalu.

MAJUIKAN juga akan menguruskan 5 buah kompleks perikanan yang disediakan oleh Jabatan Perikanan. Kompleks perikanan itu ialah di Kuala Trengganu, Kuching, Lumut, Kuala Kedah dan Batu Maung, kesemuanya berharga lebih kurang \$7½ juta. Selain daripada itu dua buah pelabuhan perikanan yang sedang dirancang untuk didirikan di Chendering, Trengganu dan di Kuantan, Pahang yang berharga lebih kurang \$50 juta.

MAJUIKAN juga telah memulakan perusahaan mendirikan kilang air batu. Kilang air batu di Kuala Perlis yang mengeluarkan air batu sebanyak 50 tan sehari adalah joint-venture di antara MAJUIKAN dengan S.E.D.C. Kedah dan Perlis yang bermodal sebanyak \$1 juta. Sebuah lagi ice factory berharga \$1.2 juta sedang dibina di Kuantan.

Kilang memproses udang dan ikan di Kuala Kedah akan siap tidak lama lagi berharga \$1.5 juta. Kilang ini akan dapat mengeluarkan udang yang telah disejukkan sebanyak 2 tan dan 10,000 tin udang dan ikan pada sehari.

Kilang mengeluarkan ikan tuna di Trengganu yang berharga \$2 juta sedang menjalankan perniagaan dengan baik. Satu lagi perusahaan yang dibuat oleh MAJUIKAN bersama dengan S.E.D.C. Negeri Johor ialah mendirikan kilang ikan baja di Mersing dengan modal \$1 juta.

Pembahagian pendapatan di antara nelayan-nelayan dengan MAJUIKAN ialah sama banyak 50%—50%. Nelayan-nelayan adalah dikehendaki menyimpan wang 10% daripada keuntungannya untuk rancangan pembangunan perniagaan mereka yang akan datang.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada

menyatakan bahawa satu daripada tujuan MAJUIKAN ialah untuk menambahkan pendapatan dan juga menyenangkan nelayan-nelayan. Saya suka hendak bertanya samada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada rancangan untuk hendak menolong nelayan dari satu segi yang menyekat pendapatan mereka iaitu lanun-lanun di laut-laut yang telah menangkap nelayan-nelayan kita. Yang kedua, pihak-pihak berkuasa negara-negara yang lain telah juga menangkap nelayan-nelayan kita oleh kerana nelayan-nelayan kita tidak tahu sempadan di mana Malaysia dan di mana luar daripada Malaysia dan kedua-dua perkara ini telah merugikan dan menyekat pendapatan dan kesenangan nelayan-nelayan kita.

Tuan Abdul Ghaffar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita ada mengambil berat dalam masalah itu, tetapi oleh kerana perairan Malaysia ini panjang, maka tidaklah dapat hendak disekat lanun-lanun kesemua sekali, tambahan pula jika sekiranya nelayan-nelayan kita menyeberangi masuk ke dalam laut kawasan negeri asing. Mereka yang ditangkap itu sentiasa diawasi atau diambil berat oleh Kerajaan dan sentiasa berunding dengan negeri-negeri yang tersebut untuk menyelamatkan mereka itu.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah bantuan telah diberi oleh MAJUIKAN kepada 600 orang nelayan di Melaka yang telah lama, dekat setahun, takut pergi menangkap ikan oleh kerana apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Sepang tadi, rompakan-rompakan dan tangkapan-tangkapan. Oleh kerana 600 nelayan daripada Melaka telah mengalami penderitaan sangat lama, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apa bantuan specific ataupun konkrit telah dibuat oleh MAJUIKAN kepada mereka?

Tuan Abdul Ghaffar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan soal MAJUIKAN. MAJUIKAN untuk memajukan nelayan-nelayan menangkap ikan yang lebih.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah menerangkan tadi berkenaan dengan rancangan-rancangan MAJUIKAN, jadi saya suka hendak bertanya adakah MAJUIKAN ini ditujukan kepada nelayan

bumiputra sahaja ataupun keseluruhannya. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah cadangan MAJUIKAN ini untuk mengawasi hasil tangkapan ikan, khasnya yang saya tahu di kawasan perairan Johor, yang sebahagian besarnya dihantar ke Singapura dan kadangkadangkang dihantar balik ke Johor. Saya harap mendapat penjelasan, adakah pada masa akan datang MAJUIKAN ini bertujuan ataupun bercadang untuk mengawasi, dan kalau boleh, menyekat terus perkara yang telah saya sebutkan tadi?

Tuan Abdul Ghaffar bin Baba: MAJUIKAN ditubuhkan untuk kepentingan semua rakyat yang miskin, dan permintaan daripada Ahli Yang Berhormat itu dalam perhatian Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa nasib nelayan-nelayan tanggungjawab MAJUIKAN atau Kementerianannya, baikpun daripada segi pembahagian pendapatan atau faktor-faktor lain yang menyekat tangkapan ikan. Berbalik kepada soalan tambahan asal saya, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini langkah-langkah yang konkrit yang telah dibuat oleh MAJUIKAN untuk menolong atau memajukan nelayan-nelayan di Melaka?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini berulang-ulang, itu juga, perkataan sahaja lain—tidak payah dijawab, sebab Yang Berhormat Menteri sudah jawab panjang pada mula-mula tadi tujuan-tujuan dan matlamatnya.

PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA—SURAT PENDAFTAR

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau telah mendapat sepucuk surat yang telah dihantar oleh Pendaftar Universiti Malaya, Encik Lim Chung Tat, kepada semua pertubuhan-pertubuhan pelajar yang berbunyi seperti berikut:

Tuan,

Sebagai tuan maklum Majlis Universiti telah menubuhkan suatu Jawatankuasa Penyasat Fakta-fakta yang terdiri dari Pro-Canselor atau wakilnya sebagai Pengerusi dan dua orang dari Majlis iaitu Encik Goh Joon Hai dan

Dr Syed Mahmood bin Syed Hussein ini pada hari Sabtu 21hb September, 1974.

Untuk menolong Jawatankuasa tersebut dengan kerjanya, Naib Canselor telah mengarah saya mendapatkan daripada tuan suatu keterangan bertulis yang memberi maklumat berikut:

- (a) samada pertubuhan tuan terlibat dalam kejadian tersebut dan setakat mana ianya terlibat;
- (b) nama ahli-ahli jawatankuasa atau ahli-ahli pertubuhan tuan yang terlibat dan setakat mana mereka terlibat jika tuan ketahui;
- (c) jika pertubuhan tuan atau ahli-ahli jawatankuasa atau ahli-ahli terlibat dalam kejadian tersebut, di bawah peruntukan apa dalam perlembagaan atau peraturan pertubuhan tuan tindakan itu dijalankan atau dengan arahan atau perintah siapa tindakan itu dijalankan;
- (d) lain-lain maklumat berkenaan yang dapat pada tuan yang boleh membantu Jawatankuasa majlis dalam kerjanya.

Sila beri kepada saya keterangan tuan selawat-awatnya pada 22hb Oktober, 1974.

Surat ini dialamatkan kepada semua persatuan mahasiswa yang diluluskan di universiti ini. Jika pertubuhan atau ahli-ahli jawatankuasanya atau ahli-ahlinya tidak terlibat dalam kejadian tersebut, sila hantar jawapan "tiada".

Yang benar,
t.t.
(LIM CHUNG TAT)
Pendaftar

s.k.

Pemangku Naib Canselor.

- (b) samada beliau akan bersetuju bahawa surat tersebut menunjukkan yang Jawatankuasa Penyasat yang ditubuhkan oleh Universiti Malaya untuk menyiasat pengambilan dan balas Pentadbiran Universiti dalam bulan September, 1974 tidak menyiasat semua fakta yang telah menyebabkan peristiwa September di kampus;

- (c) samada beliau akan memerintahkan Jawatankuasa Penyiasat untuk menyiasat semua sebab yang berkenaan mengenai Kampus Universiti baru-baru ini; dan
- (d) bila persatuan Mahasiswa Universiti Malaya akan diberi balik hak-hak yang sah mereka sebagai badan perwakilan tunggal semua pelajar di universiti ini.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak menerima surat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut.
- (b) Saya tidak bersetuju bahawa surat tersebut menunjukkan bahawa Jawatankuasa yang ditubuhkan itu tidak akan menyiasat semua fakta mengenai peristiwa di kampus Universiti baru-baru ini.
- (c) Tidak perlu bagi saya memberikan arahan kepada Jawatankuasa Penyiasat di dalam menjalankan tugas-tugasnya oleh kerana saya mempunyai kepercayaan dan keyakinan bahawa Jawatankuasa tersebut akan menjalankan siasatannya dengan penuh kebijaksanaan.
- (d) Pertimbangan untuk menarik balik penggantungan Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya akan dibuat oleh Majlis Universiti berdasarkan kepada Laporan Jawatankuasa Penyiasatnya kelak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa penyiasatan ini akan menyiasat semua sebab-sebab yang berkenaan yang berkaitan dengan perkara yang berlaku di Universiti Malaya pada bulan September?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Universiti Malaya telah melantik seorang hakim untuk mengetuai Jawatankuasa ini dan kalau kita tidak dapat memberi kepercayaan yang penuh kepada hakim-hakim kita, maka susahlah kita menadbirkan negara ini.

GAJI GURU-GURU BESAR SEKOLAH RENDAH

7. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan sebabnya pelaksanaan gaji bagi guru-guru besar di Sekolah Rendah sekarang ini menimbulkan kekecohan di kalangan guru-guru, dan nyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi kekecohan itu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji fakta-fakta yang telah menimbulkan kekecohan dikalangan guru-guru berikutan dengan pelaksanaan gaji baru guru-guru besar. Langkah-langkah yang akan diambil adalah bergantung kepada hasil pengkajian yang sedang dijalankan sekarang ini.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ada mempunyai satu list dan di dalam list ini ada mengandungi 31 nama guru-guru besar dalam Kategori C. 1 dan D. 3. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa jawatan guru-guru besar di sekolah-sekolah rendah ini ada mempunyai Kategori C. 1 dan Kategori C. 3 dalam Aziz Report yang sehingga hari ini masih belum dapat confirm seperti guru-guru besar dalam Kategori C. 2, B. 1 dan B. 2? Bilakah mereka ini akan dapat diconfirmkan dan bagaimanakah kedudukan sekim gaji mereka?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soal guru-guru besar yang belum dapat diconfirmkan ini adalah satu keadaan yang berlaku di dalam mana-mana perkhidmatan kerana confirmation ini bergantung kepada kelayakan dan lain-lain fakta yang dipertimbangkan oleh satu badan yang tertentu berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberitahu satu hari yang tetap yang boleh diconfirmkan guru-guru tersebut?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri telah menjawab tadi bahawa ada satu badan lain iaitu Suruhanjaya Guru-guru yang mempertimbangkan perkara ini.

HOSPITAL BARU PETALING JAYA— SHAH ALAM—RANCANGAN

8. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk membina sebuah Hospital Besar untuk menunaikan kehendak-kehendak penduduk-penduduk Petaling Jaya dan Shah Alam yang sedang meningkat, jika ya, nyatakan butir-butir lanjut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak ada mempunyai rancangan untuk membina sebuah hospital baru di Petaling Jaya atau Shah Alam, oleh kerana pada masa sekarang kemudahan-kemudahan berikut ada terdapat di residents Petaling Jaya:

- (a) Hospital Universiti Petaling Jaya mempunyai kemudahan katil-katil sebanyak 735 buah.
- (b) Hospital Assunta mempunyai kemudahan katil-katil sebanyak 391 buah. Hospital ini selain dari menguruskan pesakit-pesakit yang memberikan bayaran untuk rawatan juga menyediakan rawatan-rawatan percuma di dalam kes-kes kecemasan dan juga bagi mereka yang tidak mampu membayarnya.
- (c) Pusat Perubatan Pantai mempunyai katil-katil sebanyak 85 buah.

Di bawah Rancangan Malaysia yang Kedua wang sebanyak \$2.1 juta sedang dibelanjakan untuk memperbesar Hospital Universiti dengan menambahkan satu lagi ward block empat tingkat mengandungi sebanyak 144 buah katil lagi. Sebuah Fakulti Pergigian juga hampir siap di Universiti Malaya yang berharga \$5.7 juta dan ini akan menyediakan kemudahan-kemudahan pergigian bagi pesakit-pesakit luar dan dalam kepada penduduk-penduduk Petaling Jaya.

Sebuah hospital bertingkat yang moden telahpun dirancangan untuk bandar Kelang bagi menggantikan hospital yang ada sekarang yang mana mempunyai kemudahan katil sebanyak 450 buah. Tapak bagi hospital ini telahpun diperolehi dan rancangannya sekarang sedang giat dijalankan. Hospital baru ini akan mengandungi sebanyak 600 buah katil. Saya amat harga berkeenaan dengan perhatian berat yang telah ditunjuk-

kan oleh Yang Berhormat mengenai bertambahnya penduduk-penduduk di kawasan Petaling Jaya yang begitu pesat, tetapi ingin menekankan di sini bahawa terdapat kawasan-kawasan luar bandar di Negeri-negeri di Pantai Timur dan juga di Pantai Barat yang mempunyai jumlah penduduk yang begitu besar, tetapi tidak mempunyai kemudahan-kemudahan hospital dan sebagainya di mana keutamaan mestilah diberikan kepada kawasan-kawasan ini.

KETUA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN—RANCANGAN

9. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk melantik seorang Ketua Perhubungan Perusahaan di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan ataupun di Universiti Sains Malaysia; jika tidak, mengapa.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk melantik seorang Ketua Perhubungan Perusahaan, oleh kerana Jabatan Perhubungan Perusahaan belum lagi diperlukan di Universiti-universiti di Malaysia.

MAJALLAH/BUKU "MAO'S QUOTATIONS"

10. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan membenarkan wayang gambar, majallah-majallah dan buku-buku "Mao's Quotations" dari Republik Rakyat China ditayang, dijual dan disebar dalam negeri kita, memandangkan perhubungan diplomatik di antara kedua-dua negara telahpun terjalin dan jika tidak, mengapa.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menghalang penjualan dan penyebaran perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu asalkan perkara-perkara itu tidak diisytiharkan haram atau perasangka terhadap ketenteraman awam atau keselamatan negara ini. Dasar ini bukan sahaja diamalkan ke atas filem, majallah, dan buku-buku Mao's Quotations dari Republik Rakyat China sahaja bahkan kepada semua bahan seumpama itu dari semua negara asing di dunia ini.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapatkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu sebab-sebabnya pihak Kerajaan tidak mengizinkan Mao's Quotations ditayangkan, dijual dan disebarikan dalam negeri kita?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyatakan bahawa asal sahaja tidak mengganggu ketenteraman awam dan keselamatan negara maka dia dihalalkan. Tetapi sebaliknya, kalau filem-filem, buku-buku seperti Mao's Quotations dan sebagainya itu menghalang ataupun mengganggu ketenteraman awam, maka ia pastilah diharamkan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pemegang Amanah 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb November, 1974).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak

lebih daripada \$2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." (25hb November, 1974).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Besut boleh menyambung ucapannya.

Perbahasan disambung semula.

3.09 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyambung ucapan saya semalam dan mengambil peluang sedikit menggulung masaalah yang saya timbulkan berkenaan dengan perimbangan eksport dan import negara.

Keberanian dan ketegasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan membuat ramalan bahawa harga purata getah bagi tahun 1975 sebanyak 60 sen sepaun untuk RSS No. 1 adalah mengagumkan saya. Sungguhpun begitu kita tidaklah seharusnya menunggu harapan itu dengan semata-mata berharap sahaja. Untuk memperbaiki keadaan "unfavourable balance of trade" yang dihadapi oleh negara kita sekarang ini, saya mengesyorkan Kerajaan supaya memberi perhatian istimewa kepada masalah kestabilan harga bahan-bahan eksport, terutama getah dan minyak kelapa sawit. Saya hanya mencadangkan langkah-langkah yang patut diambil pada peringkat antarabangsa kerana langkah-langkah dalam negeri telah banyak diperkatakan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa untuk mencapai kejayaan-kejayaan di dalam rundingan-rundingan antarabangsa memerlukan suatu perkara yang sukar dan memerlukan sokongan dari negara-negara lain. Walau bagaimanapun saya yakin dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita dan dengan

kematangan para diplomat dan pegawai-pegawai kita, Malaysia akan dapat memainkan peranan yang penting dan menguntungkan di dalam arena hubungan antarabangsa.

Selain dari "commodity agreement" dan "buffer stock system" yang saya cadangkan semalam, saya rasa ada beberapa langkah lain yang perlu diambil bagi menentukan kestabilan harga bahan-bahan eksport negara kita dan bagi menjamin supaya jumlah nilai eksport tahunan kita tidak jauh lebih rendah dari jumlah nilai impot. Kita patut bertindak tegas bersama-sama negara-negara membangun yang lain menuntut keadilan di dalam perdagangan antarabangsa, terutama menentang monopoli negara-negara maju di dalam perkapalan, memperjuangkan satu sistem kewangan antarabangsa yang sihat, dan menghapuskan sekatan-sekatan tarif dan quota oleh negara-negara maju ke atas bahan-bahan keluaran negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya menyentuh sedikit tentang cukai-cukai yang baru yang dicadangkan di dalam ucapan Belanjawan itu. Saya menyokong penuh cukai-cukai impot ke atas beberapa jenis barang-barang mewah dinaikkan. Barang-barang seperti tembakau, rokok, cerut dan arak dari luar negeri itu bukan sahaja patut dinaikkan cukainya, tetapi patut juga dihadkan kemasukannya. Impot barang-barang mewah dengan cara besar-besaran dan membazir boleh melemahkan kedudukan "foreign exchange" kita yang sepatutnya kita gunakan untuk mengimpot bahan-bahan keperluan untuk pembangunan. Lagi pun barang-barang mewah ini hanya mampu dinikmati oleh golongan-golongan yang berada dan berpendapatan lumayan sahaja dan akan menggambarkan perbezaan hidup yang nyata antara golongan yang kaya dengan golongan yang miskin. Bagaimanakah golongan rakyat yang miskin di luar-luar bandar tidak merasa iri hati atau merasa dengki jika mereka melihat golongan yang kaya di bandar-bandar mampu berbelanja sesuka hati, mampu mengalirkan arak ke dalam longkang beratus-ratus gelen sehari, pada hal mereka di kampung-kampung terpaksa berhempaspulas untuk mendapatkan secupak beras atau sekati gula. Dasar Ekonomi Baru kita bertujuan hendak mengurangkan jurang perbezaan itu tetapi jika kita perhatikan di Ibu Kota ini sahaja nyata masih terdapat perbezaan hidup yang jauh itu. Di tempat-tempat hiburan seperti kelab-kelab malam,

panggung-panggung wayang, rumah-rumah perjudian, rumah-rumah pelacuran penuh sesak dengan mereka yang mampu membelanjakan wang sesuka hatinya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mana Ahli Yang Berhormat tahu? (*Ketawa*).

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Daripada pengalaman, Tuan Yang di-Pertua. Pada hal penduduk-penduduk di luar bandar tidak pernah termimpi untuk mampu hidup dengan cara yang sedemikian itu. Dengan kenaikan cukai ke atas import tembakau itu diharap akan menggalakkan perusahaan tembakau dalam negeri. Penanaman tembakau yang mendatangkan hasil yang memuaskan kepada petani-petani luar bandar dalam tahun-tahun 1972-1973 hasil tembakau telah mulai merosot sekarang ini. Kerajaan patut menambah lagi galakan memberi bantuan-bantuan teknik serta nasihat dan panduan supaya hasil tembakau tempatan meningkat mutunya setanding dengan tembakau yang diimpot. Di Negeri-negeri Kelantan dan Trengganu misalnya, tembakau merupakan cash crop yang sesuai bagi menambahkan pendapatan petani-petani. Perusahaan tembakau ini patut dikekalkan dan diperbesarkan sehingga menjadi satu bahan eksport yang terpenting.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cukai baru yang dikenakan ke atas bas-bas penumpang, saya percaya akan meringankan sedikit beban yang dipikul oleh syarikat-syarikat bas yang berjalan di luar bandar, dan diharap dapatlah mereka menambahkan bilangan bas-bas mereka bagi mencukupi kehendak orang ramai.

Selain daripada itu, saya suka mengesyorkan supaya jalan-jalan baru yang terbina di dalam proses pembangunan ini tidaklah tertakluk di bawah monopoli syarikat-syarikat bas yang ada. Syarikat-syarikat bas bumiputra patut diberi peluang menguasai jalan-jalan baru itu di samping kemudahan-kemudahan menggunakan jalan-jalan lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada keseluruhannya ucapan belanjawan itu menggambarkan dasar-dasar ekonomi yang praktikal. Sektor pertanian mestilah dimajukan untuk menjamin makanan yang cukup bagi semua rakyat, di samping itu patut kita berhati-hati supaya golongan rakyat yang mengeluarkan makanan tidak akan hidup di dalam kelaparan.

Di dalam ucapan belanjawan itu ada dinyatakan bahawa Kerajaan akan memberikan keutamaan yang tinggi kepada kempen menambahkan pengeluaran makanan. Seluas 500,000 ekar lagi tanah akan dibuka untuk tujuan pertanian. Tetapi rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, pengumuman itu sahaja belumlah lagi merupakan jawapan yang muktamat bagi menyelesaikan masalah inflasi, resesi atau stagflasi, dan bagi tujuan menaikkan taraf hidup semua golongan rakyat. Soal yang berada di hadapan kita sekarang ialah bagaimanakah cara-cara pelaksanaannya yang akan dijalankan. Kepada siapakah tanah seluas 500,000 ekar itu akan dibahagi-bahagikan. Jika kaum pemodal diberi peluang ditarik ke setor pertanian ini, dengan pengalaman yang ada, dengan pengalaman pengurusan dan keefisienan mungkin cita-cita mengeluarkan makanan yang cukup untuk negara akan tercapai, tetapi dengan cara itu tidaklah pula memberi sebarang keuntungan kepada golongan petani-petani yang sedia ada dan tidak akan dapat mengubah nasib hidup rakyat di luar-luar bandar. Sebaliknya, jika pembukaan tanah yang luas itu diuntukkan seratus-peratus kepada petani-petani tanpa sebarang panduan dan pertolongan yang positif, saya tidak yakin pengeluaran bahan-bahan makanan akan dapat dihasilkan secara ekonomik.

Pada pendapat saya, Kerajaan mestilah berhati-hati melaksanakan tujuan ini supaya tidak sekali-kali memberi peluang kepada sebarang penindasan dan exploitasi. Biarlah golongan rakyat yang berusaha mendapat nikmat yang sepatutnya dari titik peluh mereka. Jika sekati sayur di Pasar Besar Kuala Lumpur umpamanya berharga 60 sen, biarlah sekurang-kurangnya 40 sen dinikmati oleh penanam-penanam sayur itu sendiri. Apa yang berlaku sekarang adalah sebaliknya iaitu 15 sen sahaja dinikmati oleh penanam-penanam dan yang lebihnya, bahagian yang terbanyak dinikmati oleh orang-orang tengah. Selagi keadaan ini tidak dipertimbangkan, maka selama itulah golongan miskin akan terus memikul beban inflasi ini. Ada golongan yang mengambil kesempatan dari keadaan inflasi ini untuk menambahkan kekayaan mereka dengan menangguk di air keruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dan menyokong penuh apa yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa

semalam berhubung dengan pembangunan rohani mesti diselaraskan dengan pembangunan jasmani. Semua lapisan rakyat termasuk mereka yang masih di dalam peringkat persekolahan dan juga yang telah dewasa patut disedarkan tentang tujuan hidup yang sebenarnya dan tanggungjawab seseorang manusia terhadap manusia yang lain supaya mereka tidak dikuasai oleh perasaan tamak yang mengejar kemewahan hidup dan kepuasan nafsu semata-mata. Rakyat patut dilatih supaya bertindak menghadapi saat-saat yang genting dengan bijak dan berdisiplin. Manusia tanpa didikan rohani boleh bertindak dengan zalim dan tidak berperikemanusiaan waktu mereka diberi kuasa dan kemewahan dan sebaliknya akan bertindak sebagai perompak, sebagai penyamun manakala mereka kelaparan. Rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam tidak sepatutnya merasa curiga dan takut untuk sama-sama menyertai usaha pembangunan rohani ini. Islam tidak dipaksa ke atas mereka secara kekerasan, tetapi saya rasa tidak ada apa salahnya jika beberapa aspek tertentu dari ajaran-ajaran Islam itu tetutama tentang sekuriti dan kemanusiaan yang bertujuan untuk kebaikan manusia sejagat diterima sebagai panduan hidup. Didikan rohani ini boleh disampaikan secara serious melalui bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah, melalui kursus-kursus sivik, melalui aktiviti-aktiviti kebudayaan dan melalui berbagai-bagai cara lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya kembali kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang diberi pujian dan sanjungan oleh hampir 100% dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap membahaskan ucapan belanjawan setakat ini. Saya suka mengingatkan Yang Amat Berhormat itu dari pandangan saya yang cetek ini bahawa Yang Amat Berhormat itu sekarang terpaksa memikul beban yang sangat berat dan terpaksa menghadapi suatu cabaran yang besar. Beban yang berat itu ialah hendak mengkotakan apa yang dikata, dan cabaran yang di hadapannya pula ialah hendak membuktikan bahawa jawatan Menteri Kewangan itu tidaklah semestinya sentiasa dipegang oleh orang-orang yang berasal dari golongan perniagaan sahaja, tetapi boleh juga dipegang dengan jayanya oleh ahli-ahli politik yang luas pandangannya dan pentadbir-pentadbir yang bijak.

Saya berdoa semuga Tuhan sentiasa memberi taufik dan hidayah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

3.25 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah memberikan sokongan dan mengalukan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1975 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan yang mana Anggaran Belanjawan yang dibentuk adalah menuju ke arah pembangunan ekonomi untuk menjamin rakyat hidup mencapai taraf yang tinggi. Ini bererti Kerajaan menitikberatkan soal pembangunan dan kemajuan di dalam bidang kebajikan masyarakat dan sosial yang mana kita semua maklum daripada punca-punca inilah kelak akan wujudnya suasana yang baik lagi kukuh di dalam lapangan hidup rakyat. Maka mengertilah kita betapa pentingnya sebagai Kerajaan mengambil langkah yang tegas di samping berjimat-cermat di dalam segala bidang peruntukan.

Saya adalah mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang dinamis yang telah membentangkan Belanjawan baru akan dapat dijalankan sebagai alat yang berkesan dan akan memberi kemajuan kepada polisi, ekonomi, belanjawan dan kewangan dan akan berjaya di dalam menjalankan dan melaksanakan tujuan Rancangan Malaysia Yang Kedua di dalam bentuk kestabilan kewangan yang telah dikawal di dalam tahun yang berakhir ini.

Tindakan kenaikan cukai yang baru ini tidaklah begitu berat seperti yang telah disangka-sangkakan dan tidak akan membawa kesusahan besar kepada rakyat. Walaupun demikian, kita sekalian mestilah sedar bahawa masa hadapan akan membawa kesulitan dan kesusahan dan Kerajaan hendaklah bersedia untuk monopolinya. Di samping kita bersyukur kalau dibandingkan dengan negeri yang lain Malaysia adalah di dalam keadaan yang lebih baik dan akan berupaya untuk monopoli krisis ekonomi yang akan datang dan negara kita dapat mencapai kejayaan di dalam ekonomi dan juga kestabilan kewangan.

Pada saya kenaikan cukai tidak menjadi masalah kerana cukai yang dinaikkan ini

adalah maksudnya untuk membiayai projek-projek yang akan mendatangkan kebaikan dan kebajikan kepada orang ramai dan kepada negara seluruhnya. Yang menjadi masalah bukanlah kenaikan cukai, tetapi yang saya ingin persoalkan ialah pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan yang dibiayai daripada wang yang dikutip dengan begitu rupa daripada tiap-tiap seorang rakyat di dalam negara kita ini. Harapan saya kepada Kerajaan supaya dapat memerhatikan segala projek-projek yang akan mendatangkan kebaikan, mendatangkan keuntungan dan mendatangkan kelegaan hidup rakyat di negara kita ini mestilah kita sempurnakannya dengan secepat-cepatnya atau dengan seberapa cepat yang terdapat, sebab inilah yang akan menjadi penawar kepada rakyat yang kita telah ambil hasil pendapatannya atau kita telah mengambil kewangan daripada sakunya. Kalaulah wang-wang cukai yang dikutip daripada rakyat ini tiba-tiba rancangan yang mendatangkan kebaikan yang boleh menyebabkan kelegaan hidup rakyat tidak dapat dijalankan dengan kemas, tidak dapat dijalankan dengan segera yang mana kelak rakyat jelata akan mendatangkan teguran yang pahit kepada Kerajaan. Ini adalah harapan saya kepada Kerajaan supaya dapat mengatasi masalah-masalah yang saya kemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembangunan luar bandar hari ini masih jauh lagi perbezaan dengan pembangunan-pembangunan di kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, masyarakat luar bandar sangat memerlukan dengan segera satu penyusunan dan pelaksanaan yang selaras dengan keadaan sosial ekonomi luar bandar. Rancangan Malaysia Yang Kedua yang telah berjalan masuk tahun yang keempat adalah merupakan satu peringkat penting di dalam pembangunan jangka panjang masyarakat desa dan negara Malaysia kita. Ianya hendaklah tegas dan menuju ke hadapan untuk mengendalikan soal ekonomi dan masyarakat, juga dibentuk selaras dengan tujuan besar untuk memupuk perpaduan negara.

Panduan yang berasaskan dasar ekonomi Kerajaan atau Rancangan Malaysia Yang Kedua yang mengandungi dua matlamat untuk membasmikan kemiskinan di kalangan semua rakyat Malaysia, tidak kira keturunan kaum yang bertujuan menyusun semula

masyarakat Malaysia, terutama sekali sebagai membetulkan jurang perbezaan ekonomi dari keturunan kaum menerusi usaha-usaha memodenkan kehidupan luar bandar dan memperhibatkan kegiatan bandar dengan lebih seimbang, dan membentuk satu masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu di dalam usaha-usaha memodenkan penduduk-penduduk di desa.

Jika rancangan dilaksanakan dengan secepat mungkin, bererti rancangan ini akan dapat mengubah keadaan penduduk-penduduk di luar bandar kepada satu tenaga yang benar-benar dinamis, atau pembangunan pertanian dan ekonomi kemajuan sains dan teknologi yang patut digunakan lebih banyak di dalam kegiatan pertanian untuk menambah jenis dan membanyakkan mutu keluaran pertanian. Tanah-tanah yang digunakan sekarang hendaklah diperbaiki dengan seberapa segera dengan mengadakan parit dan taliair, menggunakan baja-baja yang baik dengan penanaman yang lebih baik akan mempercepatkan pembaharuan pertanian dan meninggikan pendapatan daripada pekerjaan pertanian yang tertentu supaya setanding yang terdapat di kawasan dalam bandar. Kerajaan hendaklah secepat mungkin memberi pertolongan menyatukan pertanian dengan kekayaan kegiatan memodenkan di dalam daya usaha perdagangan dan perusahaan. Dan hendaklah mengadakan kemudahan-kemudahan baru di dalam pengangkutan, perhubungan dan kuasa letrik yang akan merapatkan lagi perhubungan antara kawasan luar bandar, sebagaimana yang kita semua tentu sedar bahawasanya keseluruhan rakyat di dalam negara ini telah duduk dalam keadaan keluh-kesah, khasnya rakyat yang duduk di luar bandar disebabkan tekanan inflasi dan dengan kenaikan harga barang-barang dan juga dengan kejatuhan harga getah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kejatuhan harga getah yang tidak sampai 30 sen sekati pada hari ini, rakyat di luar bandar dari kalangan petani hari ini sudahpun menghadapi kesulitan dan mereka hanya dapat menyalas perut mereka sekali sehari sahaja, termasuklah di kawasan saya sendiri, kawasan yang terdiri daripada rakyat penurih getah, sehabis tinggi mereka boleh dapat dalam \$2 ataupun \$3 sehari. Pendapatan

serupa ini tentulah tidak mencukupi bagi menanggung keluarga mereka berbanding dengan harga beras yang tidak lebih dari 60 sen sekati. Kalau ada pun beras yang lebih murah tetapi tidak dapat dibeli. Dan dengan kenaikan bahan-bahan makanan yang lain, maka dengan ini saya adalah mengalulakukan ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Johor Bahru yang diberitakan yang mana Kerajaan akan mengambil tindakan untuk meninggikan harga getah pada minggu hadapan. Saya berharap mudah-mudahan tindakan ini akan membawa kejayaan dan akan dapat menghalang berlakunya kebuluran di kalangan rakyat di negara kita ini, sebagaimana yang telah dialami oleh rakyat di setengah negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya adalah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ribuan terima kasih kepada Kerajaan atas tindakan yang telah lama ditunggu-tunggu iaitu mengenakan cukai pendapatan berasingan ke atas isteri-isteri yang bekerja. Kaum wanita telah lama merayu dan saya juga telah mengemukakan di Dewan Rakyat pada tahun-tahun yang lalu supaya Kerajaan mengambil tindakan yang tersebut, kesudahannya kita telah berjaya di dalam kempen kita untuk taraf yang sama. Kerajaan telah sedar dan yakin atas sistem lama adalah tidak adil. Tindakan baru ini akan memberi isteri-isteri yang bekerja berpeluang memilih cukai pendapatan yang berasingan. Ini akan memberi dorongan yang baru kepada isteri-isteri untuk bekerja dan meneruskan pekerjaan untuk meringankan perbelanjaan rumahtangga, apatah lagi di dalam masa kenaikan harga barang-barang dan di dalam keadaan negara kita menghadapi inflasi. Mudah-mudahan kaum wanita negara kita ini akan dapat terus bekerja dengan lebih giat dan bersungguh-sungguh demi kemajuan negara kita berikutan dengan penghargaan Kerajaan yang begitu besar terhadap kaum wanita.

Di samping itu, saya adalah juga mengharapkan di satu masa kelak Kerajaan akan dapat mengadakan undang-undang yang lebih tegas bagi orang-orang Islam ialah mengenai dengan nikah-cerai dan harta sepencarian, kerana undang-undang yang ada sekarang adalah mengakibatkan ramai kaum wanita kita menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu suka juga saya menyentuh dalam segi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mana suka saya membayangkan satu cadangan walaupun cadangan ini juga telah saya bayangkan beberapa tahun yang lalu ialah mengenai rancangan pembangunan masyarakat belia kita di seluruh tanahair ini. Maksud saya mulai daripada bandar hingga ke desa di mana terdapat para belia kita ini memikirkan bahawa mereka adalah jenerasi-jenerasi yang akan memegang teraju ke-aulatan Malaysia ini supaya setiap yang dirancang oleh para belia adalah sesuai dengan peribadi bangsa kita yang sudah merdeka. Miskipun kita telah mempunyai sebuah Kementerian yang menjalankan pembangunan belia, tetapi setelah mengkaji sejauh mana nilai atau hasil yang dihasilkan oleh tanggungjawab pusat tersebut sukalah saya hendak mengemukakan pendapat saya bahawa pembangunan masyarakat belia ini perlu ditambah lagi beberapa rancangan-rancangan yang dapat melahirkan angkatan belia kita.

Saya membayangkan cadangan ini ialah setelah memandang dan mengkaji apa yang sudah dan sedang berjalan di rancangan pembangunan belia. Boleh dikatakan segala apa yang ditiru oleh angkatan belia kita ini dan setengah-setengahnya menjadi masalah dan kecaman hebat, kerana satu sikap yang tidak menyenangkan kepada satu golongan ialah disebabkan kurang pimpinan dan tidak dapat pandangan yang sejelas-jelasnya mengenai dengan kedudukan dan pembangunan yang wajar untuk mereka. Kepada kaum-kaum yang terpelajar mereka adalah bernasib baik boleh menyambung pelajaran mereka melalui kecenderungan yang ada kepada mereka. Tetapi maksud saya kepada angkatan belia yang hidupnya serba kekurangan ditambah setelah diberhentikan dari sekolah dan keluarga mereka tidak terdaya hendak menanggung mereka bagi meneruskan pelajarannya, ataupun anak-anak yang tidak mempunyai kecenderungan lagi untuk menyambung pelajaran dan rasa ingin mengecap corak hidup mengikut sistem masa dan keadaan dan mereka mudah benar tertarik kepada satu dakwah dan kejadian-kejadian mereka fikir baik untuk mereka.

Sistem demokrasi yang menjadi dasar kepada Kerajaan kita adalah sebaik-baik dasar bagi mengujudkan pembangunan

masyarakat angkatan belia untuk masa depan mereka bagi mengenal akan akibat perjuangan nasional, bangsa yang merdeka dan sebaik-baik pembangunan itu ialah melalui sistem pendidikan mengikut kecenderungan mereka kepada pemilihan dan pembangunan tempat yang mereka lalui ialah melalui pusat latihan mengikut rancangan menjamin masa depan mereka di dalam erti kata mencari kehidupan.

Di samping itu, mereka juga mestilah diberi satu mata pelajaran mengenai dengan siasah tanahair supaya mereka mengerti akan tanggungjawab mereka dan mereka tidak dapat dimasukkan oleh parti-parti lawan dan pengaruh anasir-anasir yang mempengaruhi jiwa mereka. Tidak ada sebab yang tidak membolehkan para belia mencampuri politik kalau didasarkan dengan cara langsung. Ini adalah memandangkan perjalanan yang sedang meluas di seluruh tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu ada juga terdapat setengah daripada setengah belia-belie yang telah juga menubuhkan syarikat syarikat yang bertujuan untuk mengubah corak kehidupannya manakala mendapat tahun yang Kerajaan telahpun memberikan berbagai-bagai kemudahan atau pinjaman-pinjaman bagi memberi modal kepada Persatuan-persatuan Belia, tetapi apa yang saya diberitahu pinjaman-pinjaman ini tidaklah mudah itu dapat diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Apatah lagi kalau si peminjam itu terdiri daripada orang-orang kampung dan orang-orang yang tidak ternama, maka dengan ini saya mengharapkan kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian terhadap masalah-masalah ini. Dan di samping itu juga saya dapat tahu, bahawa Persatuan-persatuan Belia kadangkala ada membuat pula rombongan membawa belia-belie ke luar negeri iaitu Rancangan Melawat Sambil Belajar, tetapi apa yang mendukacitakan syarat-syarat yang telah dibuat tiap-tiap seorang yang boleh turut mengikut rombongan itu hendaklah pandai berbahasa Inggeris.

Di sini bermakna tepat apa yang saya katakan tadi, iaitu kemudahan hanya dapat diperolehi oleh belia-belie di dalam bandar atau belia-belie yang terpelajar sedangkan belia di kampung dan belia-belie yang tidak pandai berbahasa Inggeris, mereka ini hanya

menjadi alat untuk orang lain mengambil kesempatan. Saya pun berasa hairan mengapa bahasa Inggeris masih diagung-agungkan lagi, sedangkan rombongan yang pergi itu bukan seorang berdua, tetapi ialah beramai-ramai dan saya rasa tidak menjadi masalah kalau ada rombongan-rombongan yang turut serta tidak boleh bertutur dengan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan pula di sini iaitu merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat menimbang dan memberikan peruntukan wang kerana membuat jalanraya daripada Batu V Bagan hingga ke Parit Sulung yang sejauh lebih kurang 10 batu. Dan dinaikkan tarafnya daripada Kelas C kepada Kelas A kerana jalan-jalan ini telah digunakan oleh orang-orang ramai dan orang-orang kampung untuk membawa perusahaan di dalam kampung-kampung dibawa ke bandar untuk dijual, tetapi dengan ada jalan-jalan yang tidak baik, yang tidak sesuai pada masa ini dan juga jalan-jalan ini selalu sahaja mengalami kerosakan dan juga Kerajaan akan mengalami kerugian kalau hanya setakat hendak membaiki sahaja melainkan dengan cara menyelamatkan wang; saya percaya Kerajaan hendaklah memberikan peruntukan dan menaikkan taraf kepada jalanraya yang saya sebutkan tadi.

Kepada Kementerian Pertanian, saya juga merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat memberikan wang peruntukan kerana membaiki kawasan perparitan, Parit Gantung, Peserai adalah terletakanya di dalam Rancangan Perparitan dan telah ditimbangkan mengikut Rancangan Pembangunan pada tahun 1971 dengan memakan belanja sebanyak \$55,000, tetapi oleh kerana wang peruntukan belum lagi didapati parit ini masih sampai hari ini belum dapat digali. Parit-parit ini telah tumbuh dengan pokok-pokok getah dan semak maka parit ini tidak dapat dikesan langsung. Manakala hari hujan satu dua hari kawasan-kawasan ini telah tenggelam dan bah dan telah pula membinasakan pokok-pokok tanaman mereka. Saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya dapat memberikan wang peruntukan kepada projek yang saya sebutkan tadi.

3.44 ptg.

Tan Sri Haji Mohamed Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, Ucapan Belanjawan sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mencerminkan langkah yang sebenarnya akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kesan-kesan inflasi dunia sekarang ini.

Dasar dalam ucapan itu juga menjelaskan sekali lagi azam Kerajaan untuk memastikan negara ini menikmati kemajuan ekonomi dalam jangka masa panjang. Dengan sebab itu, saya tidak ragu-ragu lagi bagi memberi sokongan yang penuh atas cadangan-cadangan beliau yang begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian utama yang diberikan kepada penambahan pengeluaran makanan adalah kena pada masanya dan lojik kerana perkembangan kemajuan untuk pertanian di negara ini hendaklah diusahakan dengan sepenuhnya. Penambahan pengeluaran bahan makanan bukan sahaja boleh menurunkan perbelanjaan taraf hidup, tetapi juga boleh memberi peluang-peluang pekerjaan dan menghapuskan kemiskinan di luar-luar bandar. Walaupun begitu haruslah diambil perhatian berat bahawa usaha-usaha untuk menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan hanya boleh berhasil jika perkara-perkara yang berkaitan dengan kemajuan pertanian dapat diadakan dan diperkembangkan. Yang perlu sekali, ialah memperkuatkan lagi institusi-institusi luar bandar yang ada sekarang seperti Persatuan Peladang dan sebagainya. Usaha-usaha Kerajaan untuk memesatkan usaha-usaha pertanian akan gagal jika para petani dan masyarakat luar-luar bandar tidak bersedia untuk menerima perubahan dan langkah-langkah untuk kemajuan. Bantuan-bantuan kepada para petani samada secara teknikal mahupun kewangan akan hanya boleh berhasil jika para petani mempunyai organisasi dan mendapat latihan yang tertentu. Usaha-usaha untuk memodenkan sektor pertanian sudah semestinya melibatkan perbelanjaan dan kewangan yang lebih.

Institusi-institusi kewangan samada dari golongan swasta mahupun badan-badan berkanun hendaklah memainkan peranan yang lebih cergas secara mengadakan pinjaman yang lebih kepada petani-petani. Bank Pertanian misalnya, boleh memberi

kemudahan-kemudahan pinjaman yang diperlukan untuk pertanian-pertanian samada secara perseorangan ataupun berkumpulan seperti Persatuan Peladang dan sebagainya. Oleh itu Bank Pertanian hendaklah meluaskan perkhidmatannya ke Malaysia Timur, terutamanya di Sabah di mana perkembangan pertanian telah banyak tergendala kerana kekurangan kemudahan-kemudahan kredit. Pinjaman-pinjaman hendaklah diberikan bagi jangka masa yang panjang untuk memberi masa bagi petani-petani membayar balik dengan tidak begitu berat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi rintangan bagi memesatkan kemajuan pertanian ialah kekurangan feeder roads bagi memudahkan pemasaran hasil-hasil pertanian. Masaalah ini terasa benar di Sabah di mana infrastruktur physical seperti jalan-jalanraya perlu diperbaiki lagi. Sesungguhnya jelas pada kita bahawa kadangkala kenaikan barang-barang makanan keluaran tempatan bukanlah kerana kekurangan barang-barang itu sebenarnya, tetapi kerana barang-barang tersebut tidak dapat dibawa ke bandar-bandar untuk dijual. Kekurangan feeder roads juga menyebabkan tambang yang tinggi dan semuanya ini dibebankan kepada si pengguna akhirnya.

Di Semenanjung Malaysia ini sistem perhubungan bolehlah dikatakan memuaskan, tetapi di Sabah dan Sarawak kemudahan-kemudahan perhubungan hendaklah diperbaiki dengan segeranya. Kerajaan Pusat bukan sahaja sepatutnya mengadakan jalan-jalan besar, tetapi juga harus memberi perhatian dan bantuan kewangan kepada jalan-jalan kecil yang telah ditanggungjawabkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan di luar bandar adalah satu perkara lagi yang ingin saya sentuh. Rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Gaya telahpun membangkitkan soal perlunya menambahkan bilangan doktor di Sabah. Saya menyokong penuh apa yang diperkatakan oleh rakan saya itu. Ingin saya menambahkan bahawa Jururawat-jururawat juga perlu ditambah untuk memberi perkhidmatan di luar-luar bandar di Sabah. Oleh sebab masalah perhubungan seperti saya sebutkan tadi perlulah diadakan lebih banyak lagi pusat-pusat kesihatan di luar-luar bandar dengan kakitangan-kakitangan yang men-

cukupi. Sabah juga masih mengalami kekurangan rumah-rumah sakit. Oleh yang demikian, saya berharap projek-projek pembinaan rumah-rumah sakit yang telahpun diluluskan dan telahpun diumumkan pada rakyat hendaklah dilaksanakan dengan tidak ada gangguan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa tahun yang telah lalu, Kerajaan kerap kali menekankan betapa perlunya kawasan-kawasan di luar bandar dijadikan satu kawasan perusahaan. Sesungguhnya bagi negara Malaysia yang penuh dengan sumber-sumber pertanian dan penduduknya tertumpu di luar bandar. Usaha-usaha untuk membawa perusahaan keluar bandar adalah munasabah sekali. Akan tetapi haruslah diambil perhatian iaitu usaha-usaha ke arah mengembangkan perusahaan hanya akan berfaedah jika ada kemahuan di dalam dan di luar negeri. Di Sabah di mana kehendak-kehendak tempatan adalah terhad oleh penduduk yang kecil, perusahaan hendaklah ditumpukan kepada hasil-hasil yang boleh diekspot. Kerajaan Pusat patutlah memberi pertolongan kepada Kerajaan Negeri, khususnya di Malaysia Timur dengan cara galakan kepada pengusaha-pengusaha dan membuat rancangan pembangunan perusahaan yang baik dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pendapat saya di Semenanjung Malaysia ini sudah terlebih banyak perusahaan-perusahaan yang telah ditumpukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal penggunaan Bahasa Malaysia, kerana nampaknya ada setengah-setengah pihak yang masih lagi berfikir bahawa penggunaan Bahasa Malaysia itu tidak besar faedahnya. Bagi kami di Sabah penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan untuk berbagai kaum di negara ini sudahpun diakui dan diterima dengan baik, lebih-lebih lagi di mana penduduknya ada terdiri dari berbilang kaum dan keturunan dan mempunyai lebih daripada 20 loghat bahasa masing-masing. Penggunaan Bahasa Malaysia yang meluas untuk perpaduan rakyat di samping menolong mewujudkan suatu identiti Malaysia yang tulin tidak perlu diragukan lagi. Begitu juga kita tidak perlu ragu tentang faedah Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa. Tetapi janganlah hendaknya pengajaran Bahasa

Inggeris di sekolah-sekolah melebihi titik-beratkan daripada pengajaran Bahasa Malaysia. Seperti kata pepatah "Kerja Raja dijunjung, kerja sendiri dikelek". Berkaitan dengan perkara ini ingin saya menentuhkan iaitu di Sabah sekolah-sekolah mengalami kekurangan guru-guru yang telah terlatih dan berkelayakan untuk mengajar Bahasa Malaysia. Oleh yang demikian, adalah diharapkan bahawa Kerajaan Pusat akan dapat mengambil langkah-langkah yang segera untuk mengatasi masalah ini.

3.54 ptg.

Datuk Peter Lim Pui Ho (Sandakan):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pada minggu lalu masa saya memberi izin, saya kata kali itu sahaja. Bagaimana kali ini? Tidakkah boleh gunakan Bahasa Malaysia terus? Saya telah janjikan kali itu sahaja saya benarkan. Ini kali yang kedua, masih belum boleh lagi bercakap dalam Bahasa Malaysia? Boleh atau tidak?

Datuk Peter Lim Pui Ho: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dari membuat kesalahan yang teruk, saya izinkan.

Datuk Peter Lim Pui Ho: (Dengan izin)

Mr Speaker, Sir, I stand here today to support the Budget presented by the Honourable Minister of Finance on the Government's stand and effort to curb inflation and to control recession. However, Mr Speaker, in view of the present high cost of living, I feel that something ought to be done to review the taxpayer's personal relief allowance in our income tax assessment which at present is \$2,000 per annum. Nevertheless, I would like to point out that although the Government has now agreed to the working wives to be assessed separately from their husbands, the amount of personal tax allowance of \$2,000 is inadequate because of the present soaring high cost of living both in food and other essential commodities. The existing \$2,000 per annum personal relief allowance has remained stagnant and I believe the time has now come for the Government to review this

personal relief allowance on income tax assessment and to increase the amount so that it would be in line with the present high cost of living, thus relieving the hardships brought to bear by the lower and middle class income groups.

Mr Speaker, Sir, on the Government's decision to relax its monetary policy and to increase the ceiling for loans and advances to the manufacturing and housing sectors, I give my strong support. There is indeed an urgent and great need to develop the many housing schemes throughout the States in Malaysia. The relaxation of control for housing loans would definitely encourage housing developers to go ahead with their plans and projects and also provide opportunities for the lower income group to own houses on an instalment basis. But due to the present high cost of building materials and shipping charges, I would appeal to the Government to reduce or to do away with the present import duties imposed on building materials. Unless the import duties on building materials are reduced or waived, it would be too costly for the average lower and middle class income groups to purchase a house. At present, a terrace house with three bedrooms costs in the region between \$40,000 to \$50,000. For example, at present the developers in Sabah have to buy cement from Peninsular Malaysia and the cement factories here are unable to meet the demand in Sabah. As a result, developers have to fall back on foreign suppliers of cement and they have to pay higher import duty. For this reason, the price of constructing a house would automatically be jacked up, thus making it very prohibitive for the lower income group to own a house. I believe that if the Government reduces or waives the import duties on the essential building materials, it would help to bring the price of a house down to the region that the average lower income group can afford.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Finance has stressed the need to increase food production, and I would like to support his call by urging the Government to open up more land for the cultivation of cash crops. We must give every encouragement and assistance to our farmers and those living in the rural areas to grow their own vegetables, etc. and to produce enough food to be self-sufficient if we hope to avoid the whirlwind of the world economic crisis.

Mr Speaker, Sir, apart from the Budget, I would like to thank the Honourable Minister of Labour for his revelation that his Ministry is all out to help the people to save their jobs in the face of recession. Because of the present timber slump, thousands of skilled, semi-skilled and unskilled workers in Sabah and Sarawak have been laid off following the closing down of a number of timber camps. I would, therefore, suggest that the Honourable Minister of Labour visit Sabah and Sarawak to see for himself what can best be done to help these workers. However, in order to help the timber extraction operators to keep their workers going on, rather than to retrench them, I would suggest that the Government allow these timber companies who are genuinely in financial difficulties to cut the rate of allowances and salaries of timber workers.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Mr Speaker, Sir, I would like also to touch on the medical facilities available in the Sabah hospitals. Firstly, besides the shortage of doctors and specialists, the hospitals in Sabah lack modern up-to-date equipment. We do not have the type of facilities or equipment where doctors can diagnose cancer in a patient and other complicated diseases, let alone treat him. At present, most of the seriously ill are sent for medical treatment either to Singapore, Hongkong or Taiwan. All this costs a lot of money and only the very rich could afford the trip and thus the poor are left to the mercy of God.

Sabah, I am proud to say, is one of the most developed and progressive States in Malaysia; yet we are at least 10, if not 15 years behind in so far as modern medical facilities are concerned. We also need ear, nose and throat specialists. At present, anyone who is suffering from any of these defects will have to go abroad to seek specialist treatment. It is pointless to recruit more doctors and specialists to man the hospitals without equipping our hospitals with modern and sophisticated equipment for without these the best doctors or specialists can do nothing to save the patient's life. I would therefore ask the Honourable Minister of Health to look into this matter seriously and to include facilities which I have mentioned in the Third Malaysia Plan.

Mr Speaker, Sir, in the field of education, Sabah as an up and coming State in Malaysia needs more and more Bumiputra university graduates so as to balance the present imbalance of graduate officers in the Government as well as in the private sectors in the years to come.

However, it is regrettable to say that not many students from Sabah were admitted to the various universities in Peninsular Malaysia. As a result, only the very rich could afford to send their children to foreign countries for further studies.

It is my hope that the universities in Peninsular Malaysia would allocate more places for the Sabah students. It cannot be denied that the State and Federal Governments have done everything possible to eradicate illiteracy among the Bumiputras. But it is not enough for the students nowadays to stop after obtaining his School Certificate or G.C.E. He must possess a degree in his chosen field before he can find a decent job with the private sector or Government. Besides, I believe it is Government's policy to replace the remaining expatriates holding top or specialist jobs with the Bumiputras.

4.05 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul untuk meluluskan Anggaran Belanjawan dan Anggaran Pembangunan Tahun 1975.

Sebelum saya melanjutkan ucapan saya, lebih dulu saya mengucapkan tahniah atas lantikan Tuan Yang di-Pertua. Walaupun alu-aluan ini agak terlewat, tetapi saya ingin juga berdoa semoga Tuan Yang di-Pertua sentiasa mendapat taufiq dan hidayat.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah membentangkan Anggaran Belanjawan yang dikatakan tidak menyakitkan sebilangan besar rakyat Malaysia dan Kekapan beliau dan cermat dalam masa inflasi dan stagflasi di dunia hari ini khasnya di negara kita. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Belanjawan ini dikatakan sebagai suatu strategi bagi mengatasi kemerosotan ekonomi dan mengurangkan kesan stagflasi. Sebenarnya kalau kita melihat kembali ke

belakang, dasar Belanjawan ini adalah berpunca dari Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai tujuan serampang dua mata menghapuskan jurang perbezaan antara yang berada dan yang tidak berada dan menghapuskan perbezaan pengenalan kaum menerusi fungsi-fungsi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, segala tindakan yang dibuat oleh Kerajaan bagi mengatasi penderitaan rakyat di zaman inflasi yang hebat ini, memang sepatutnya mendapat sokongan dari segenap pihak. Kita tentulah tidak ingin melihat masih ada lagi golongan yang melaung-laung kelaparan atau tertindas akibat dari sistem ekonomi yang telah berjalan begitu lama di tanahair kita. Kita mengharapkan setiap rakyat samada di bandar ataupun di luar bandar dapat menikmati jaminan pembahagian rezki yang adil dalam suatu sistem masyarakat yang bercorak liberal. Walau bagaimanapun, apa yang penting diusahakan oleh Kerajaan bukanlah setakat menjamin rakyat jangan mati kebuluran, tetapi lebih dari itu Kerajaan perlu mengambil tindakan-tindakan yang wajar untuk menentukan bahawa setiap rakyat di tanahair kita dapat hidup dengan mengamalkan norma-norma hidup sesuai dengan kehendak-kehendak Tuhan menciptakan manusia di muka bumi. Kita percaya bahawa tidak ada gunanya jika kita dapat menjamin kehidupan masyarakat kita berdasarkan keperluan ekonomi semata-mata, sedangkan hakikat kehidupan masyarakat kita tidak lebih dari taraf kehidupan haiwan. Malah dalam kehidupan masyarakat kita sekarang kita dapat melihat dengan jelas gejala-gejala menuju kehancuran yang begitu deras dan berjalan pantas, dan besar kemungkinan tidak akan dapat diselamatkan lagi kiranya kita tidak mengambil tindakan segera. Kita tentu ingin bertanya bahawa sejak Kerajaan telah melancarkan gerakan pembangunan dan menyebabkan ramai golongan bumiputra yang dulunya berasal dari kampung telah menikmati kehidupan yang senang, mewah dan lumayan, berapa orangkah di antara mereka yang masih dapat dikatakan hidup sebagai manusia? Walaupun barangkali ada pihak yang akan mengatakan bahawa kita tidak patut membesar-besarkan masalah kehidupan peribadi yang tersembunyi di sebalik kehidupannya secara rasmi yang diketahui umum, tapi kita tidaklah patut melupakan pelajaran dari sejarah yang mana beberapa banyak kemajuan dan peradaban-

peradaban besar telah hancur-lebur oleh kerana orang-orang yang telah kaya-raya dan berpengaruh telah tertipu oleh kesenangan duniawi yang sementara.

Kita patut insaf bahawa kaum "Ad dan Thamud" yang membina dan menghias istana dan bangunan-bangunannya dengan emas dan permata telah dibinasakan oleh Tuhan dengan sekelip mata. Kita tidak patut menutupi masalah penyakit-penyakit masyarakat kita yang sebenarnya dengan menyalahkan belia-belia terlibat dengan dadah, ganja dan sebagainya.

Kita patut juga memberikan perhatian terhadap saudara-saudara kita yang meningkat kaya-raya dan berpengaruh tetapi kehidupannya lebih jijik dan kotor kerana terlibat dengan judi, arak, rasuah dan zina dengan menyimpan "mistress" di rumah-rumah yang disediakan dengan istimewa. Untuk menyelesaikan penyakit-penyakit masyarakat ini, kita harus melihat dalam konteks keseluruhan dari kehidupan masyarakat. Dari sudut ekonomi, politik, sosial dan moral yang berdasarkan agama Allah. Tanpa penyelesaian yang demikian, selamalamanya kita dan masyarakat kita tidak akan berjaya mencapai hasrat yang dikehendaki sebagaimana seorang yang mengejar air di atas bayangan panas di tengah jalan.

Dengan lain perkataan, apa yang perlu kita lakukan sekarang ialah membetulkan kembali norma-norma kehidupan golongan yang kaya-kaya atau yang meningkat kaya dan berpengaruh dan segolongan lagi ialah golongan rakyat berpendapatan rendah yang terlibat dalam kejahatan-kejahatan dan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa pandangan ke Negeri Perak, khususnya Daerah Batang Padang dan Kinta, dalam kawasan pengundi saya, bekalan elektrik di sana bukanlah di bawah kuasa L.L.N. atau Lembaga Elektrik Negara, tetapi ada sebuah syarikat bernama K.E.D. atau dalam bahasa Inggerisnya Kinta Electrical Distribution, dan saya mendapat tahu pada tahun 1976 baru diambil-alih oleh L.L.N.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa buah kampung lagi tidak merasai nikmat elektrik, setengahnya telah pun diluluskan beberapa tahun dahulu, tetapi tidak dilaksanakan, kerana keadaan pengambilan-alih inilah

maka pihak K.E.D. ini tidak mahu mengeluarkan wang 1/3 sebagaimana tanggungannya. Di Dewan yang mulia ini, saya mengambil kesempatan supaya pihak K.E.D. tolonglah memberi hadiah atau derma kepada tempat syarikat yang bertapak semenjak zaman penjajahan dahulu lagi yang telah mendapat keuntungan yang amat besar. Kalau dapat hendaklah dipasang pada tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan pilihan-raya saya di Batang Padang tidak ada rancangan FELDA, cuma ada sedikit-sedikit sahaja tanah pinggir, kerana kawasan ini ialah kawasan perlombongan. Saya berharap sangat kepada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya mengadakan fektori-fektori dan industri-industri di sana.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kawasan tapaknya tidaklah menjadi halangan kerana tapak perlombongan yang tinggal itu masih banyak di tepi jalan antara Kuala Lumpur dengan Ipoh dan saya percaya dapatlah mengatasi sedikit bilangan pengurangan di tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang peruntukan Kementerian Pertahanan pula, hendaklah diperbanyakkan lagi kapal terbang baru sehingga beberapa squadron ditubuhkan. Begitu juga tentera kita hendaklah diperbanyakkan lagi hingga menjadi sampai 50 battallion. Bukanlah tujuannya kita hendak menyerang negara-negara lain, tetapi bagi mempertahankan serangan luar sambil menjaga kepentingan-kepentingan pembangunan negeri kita dan pengkhianat-pengkhianat dalam negara kita. Contohnya, kejadian di Lebuh raya beberapa banyak jentera-jentera gergasi yang mahal-mahal hampir \$200 juta harganya telah musnah.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya pada tahun 1946 iaitu zaman penjajah lagi satu battallion askar telah ditempatkan di Tapah bagi mengawasi tempat peranginan di Cameron Highlands dan kawasan sekitarnya, tetapi sekarang tidak ada lagi, maka saya rasa patut diadakan balik penempatan askar seperti dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi peruntukan Jabatan Perdana Menteri patut di tambah lagi. Tambahan Timbalan Menteri bagi membantu kerja-kerja Perdana Menteri, kerana kita dapati Tun Perdana Menteri

kita tidak memikirkan kesihatannya, sebagaimana kita lihat dalam akhbar tersiar berita-berita dan gambar-gambar beliau—sekejap kita lihat di sana, sekejap di sini. Kalau beliau uzur alangkah malangnya negara dan rakyat yang sedang rancak dalam proses pembangunan dalam segala segi, lebih-lebih lagi hasrat bumiputra yang mengharapkan bumiputra dari seorang pemimpin yang benar-benar jujur dan dedikasi. Beliau ini bukan sahaja kita katakan Bapa Pembangunan, tetapi boleh juga dikatakan Bapa Kesedaran, kerana dari initiative beliau percantuman parti dapat dilaksanakan dengan jaya dan selamat, hingga menjadikan satu Barisan Nasional yang kukuh.

Akhirnya, marilah kita berdoa disepanjang masa semoga beliau dalam keadaan sihat walafiat.

4.13 ptg.

Tuan Luhah Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak memberi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mana begitu bijak telah mengemukakan Budget Speech Tahun 1975 yang telahpun diperbincangkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin hendak menyentuh sebelum saya menarik perhatian Dewan ini kepada berbagai-bagai perkara yang lain iaitu ialah hal keadilan dan kebenaran yang kita sentiasa seru kepada semua golongan rakyat di negara kita Malaysia ini. Alangkah baiknya jikalau pihak Kerajaan Barisan Nasional menubuhkan satu badan yang betul-betul independent yang tidak dapat di atasi dengan apa kuasa pun dari pihak-pihak Kementerian yang ada di negara kita pada hari ini iaitu satu badan penyiasat bagi pihak-pihak kami semua Ahli-ahli Parlimen. Oleh kerana pada masa yang lampau, telahpun timbul salah-sangka dari pihak rakyat Malaysia terhadap pihak Yang Berhormat Menteri-menteri di negara kita dan juga kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri dan Menteri-menteri Kerajaan Negeri dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat ini. Kita tidak dapat mengelakkan perkara ini. Jikalau kita tidak menubuhkan satu badan yang betul-betul terasing dan tidak dapat di atasi oleh siapa pun ataupun tidak dapat di pecat dengan apa cara pun supaya badan ini dapat menyelidiki semua taraf hidup Ahli-ahli

Yang Berhormat, termasuk Yang Berhormat Menteri menteri dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Menteri-menteri Kerajaan Negeri (State Ministers) dan juga Ahli-ahli Council Negeri ataupun State Assemblymen supaya mereka dapat membuat laporan. Dengan adanya laporan ini maka akan dapat menghapuskan salah sangka yang sentiasa timbul dalam fikiran dan hati rakyat di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kami sentiasa menyebut masyarakat Adil, inipun baik juga satu cogan kata yang melambangkan keadilan dalam negara Malaysia, tetapi jikalau ini untuk satu slogan yang dipermain-mainkan atau tidak dijalankan dengan adil dan dengan betul, inipun satu perkara yang tidak berguna. Oleh hal yang demikian, saya syorkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dapat memberi sokongan terhadap cadangan saya supaya satu badan yang betul-betul independent dapat membuat satu penyiasatan terhadap income ataupun pendapatan-pendapatan Yang Berhormat Menteri-menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat ini. Oleh kerana pada masa ini banyak kabar-kabar yang tidak begitu sihat kedengaran di telinga kita yang berbisik-bisik terhadap salah sangka kepada pihak-pihak Wakil Rakyat di negara kita. Saya percaya keadaan yang begini haruslah kita hapuskan dengan mengadakan satu badan yang betul-betul independent yang tidak dapat digerak dengan Akta apa pun dalam Perlembagaan ataupun dalam undang-undang mana-mana satu Negeri di dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan ini adalah satu perkara yang kita cintai. Ia dimasukkan dalam Rukunegara: bahawa kami taat, adil dan juga kami benar bukan hanya secara munafik, mengatakan kami benar dan kami adil, melainkan dengan hati yang tulus ikhlas supaya menunjukkan kepada rakyat supaya rakyat negara kita ini jangan lagi ada menaruh wasangka yang salah terhadap wakil-wakil mereka yang menjadi Menteri juga jangan mereka menaruh wasangka yang salah terhadap wakil-wakil mereka Ahli Dewan Rakyat ini.

Yang kedua, saya menyentuh tentang hal pelajaran. Walau bagaimanapun, pada masa ini Menteri Pelajaran telahpun menguruskan atau mengatur semula keadaan pelajaran di negara Malaysia. Saya harap Kementerian

ini dengan sungguh-sungguh akan memperbaiki keadaan yang tidak memuaskan di dalam negara kita dalam bidang pelajaran pada masa ini. Apa yang saya ketahui di dalam kawasan di luar bandar murid-murid yang sedang menuntut di dalam primary schools atau sekolah rendah, mereka ini sudah meningkat Darjah VI belum lagi pandai membaca dan menulis. Tentu sekali ada penyakitnya yang membuat murid-murid kita tidak dapat menerima pelajaran yang lebih baik lagi.

Satu daripada perkara yang saya dapat tahu ialah mengenai buku-buku teks sampai enam tujuh orang dalam satu-satu kelas berkongsi dengan satu buku teks. Kadang-kadang mereka memberitahu kepada saya bahawa mereka hanya menghafal paragraph yang dibaca itu dan mereka tidak betul-betul melihat dan mengikuti apa yang dibaca kerana ramai di antara mereka yang terpaksa berkongsi dengan satu buku sahaja dan ini satu perkara yang tidak diinginkan dan haruslah tindakan yang sempurna diambil oleh pihak yang berkuasa khasnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya buku-buku teks yang sangat berkurangan di dalam negara kita Malaysia khasnya di luar-luar bandar ini dapat diselesaikan dengan baik dan memberi keuntungan kepada kanak-kanak bumiputra kita yang miskin itu agar dapat melanjutkan pelajaran mereka pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga sentiasa mendengar rayuan dari Yang Berhormat Menteri-menteri serta mengkesalkan bahawa anak-anak dari bumiputra atau bukan bumiputra, anak-anak dari suku Melayu atau bukan suku Melayu pun digesa supaya mempelajari Bahasa Kebangsaan, tetapi banyak perkataan yang telah timbul dan kedengaran pada masa ini iaitu mengenai Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri, Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen, mereka hanya memberi arahan kepada anak-anak di luar-luar bandar ataupun anak-anak orang yang bukan Ahli Yang Berhormat menuntut dalam Sekolah Kebangsaan ataupun dalam Universiti Kebangsaan pada hal anak-anak Yang Berhormat Menteri itu dihantar ke Amerika, ke Canada, ke New Zealand, ke Australia dan ke lain-lain tempat dalam dunia ini yang mana tidak mempelajari Bahasa Malaysia. Jadi bagaimana kita mengharapkan rakyat-rakyat yang bukan pemimpin negara akan mematuhi dengan

peraturan negara? Jikalau kita sentiasa mengatakan yang Wakil Rakyat atau pemimpin negara ini sendiri tidak mematuhi dengan peraturan yang kita sendiri buat di dalam Dewan Rakyat ataupun di dalam Dewan Undangan Negeri.

Saya berharap supaya pihak Yang Berhormat Menteri jangan lagi hanya memberi arahan kepada orang yang bukan pemimpin sahaja melainkan haruslah kita mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin hendaklah mematuhi dan menunjukkan kepada rakyat supaya kita benar-benar memerlukan Bahasa Malaysia sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi yang mengatakan haruslah Bahasa Malaysia dipelajari oleh tiap-tiap rakyat di negara ini. Saya menyokong, akan tetapi malangnya bila seorang rakan saya Yang Berhormat dari Sandakan bercakap, beliau telah berucap di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit dalam bidang pertanian. Oleh kerana kebanyakan rakyat di negara kita sekarang ialah rakyat yang duduk di luar bandar, pekerjaan mereka tiap-tiap hari ialah bekerja di ladang-ladang. Saya syorkan di sini bahawa Kerajaan janganlah lengah atau lalai lagi bagi merancang rakyat kita supaya mengikut cara intensive system dan bukan cara-cara bagaimana yang diikuti oleh datuk-nenek kita dahulu yang memakan masa yang panjang dan membuat tebasan yang begitu luas dengan mendapat hasil yang sedikit sahaja.

Saya percaya rancangan parit dan taliair di negara kita akan diperbaiki lagi. Ini akan memberi keuntungan kepada petani-petani kita yang menanam padi. Oleh kerana dalam kawasan di luar-luar bandar khususnya di Negeri Sarawak pada masa ini mereka sentiasa mengikut cara-cara lama iaitu mengikut extensive system. Mereka menanam padi bukit dan sering kali kita dapati bahawa ini tidak memberi hasil yang begitu banyak kepada mereka. Tidak ada cara lain, oleh kerana negara kita Malaysia ini mempunyai tempat yang luas dan tanahnya pun subur maka haruslah Kerajaan menyelidiki di mana tempat yang sesuai untuk membuka parit dan taliair. Rancangan ini haruslah dilancarkan supaya menolong serta membantu rakyat-rakyat kita (petani) yang sekarang tidak cukup belanja ataupun pendapatan mereka sangat kurang.

Saya juga berharap kepada pemerintah supaya menambahkan banyak lagi kilang-kilang baja. Ini pun satu perkara yang memberi bantuan yang baik kepada petani-petani khususnya baja C.I.R.P. atau Christmas Island Rock Phosphate. Baja ini sangat berguna. Di Negeri Sarawak baja ini banyak gunanya kerana menghapuskan benda-benda yang masin di dalam tanah. Inilah gunanya baja C.I.R.P. Bukan itu sahaja bahkan baja yang dibuat oleh R.R.I. iaitu Rubber Research Institute ini pun adalah satu jenis baja yang baik juga. Baja ini didapati sangat kurang di Sarawak. Saya berharap pemerintah Malaysia dapat menubuhkan banyak lagi kilang-kilang baja untuk menolong peladang-peladang. Pada masa ini kebanyakan baja-baja tersebut didapati di Semenanjung Malaysia dan kami semua sedar bahawa pelabuhan di Negeri Sarawak tidak begitu mencukupi pada masa ini dan tambang membawa baja itu dari Semenanjung ke Sarawak pun sudah begitu banyak iaitu membuatkan harga baja yang tinggi di Negeri Sarawak. Saya berharap, jikalau dapat, supaya kilang-kilang baja yang saya sebutkan tadi dapat dibuat di Sabah dan di Sarawak supaya kami di sana tidak sentiasa bergantung dengan baja yang dikeluarkan oleh kilang-kilang baja yang ada di Semenanjung Malaysia.

Demikian juga mengenai racun-racun. Oleh kerana bila kami menanam tanaman-tanaman, musuhnya sentiasa banyak. Oleh hal yang demikian, racun-racun untuk mencegah penyakit-penyakit tanaman, jika dapat kita membuatnya sendiri untuk mencegah penyakit-penyakit yang menyerang tanaman-tanaman kita, haruslah dibuat sendiri khususnya racun malatayon ataupun agroicide disposable dan agroicide dust dan deldric 15. Ini pun sejenis racun yang baik untuk mempertahankan daripada serangan-serangan ulat yang memakan tanaman-tanaman kita di ladang-ladang baik di kebun-kebun sayur mahupun pokok-pokok lain di kebun.

Saya menyentuh sedikit mengenai kesihatan khususnya kesihatan luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, saya berasa senang hati kerana melihat semua peringkat yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, akan tetapi pada beberapa hari yang sudah ada tersiar dalam *New Straits Times* yang mengatakan tidak kurang dari tiga buah

rumah sakit umum akan dibatalkan pembangunannya oleh kerana kenaikan harga-harga barang di Sarawak dan Sabah. Bermakna, jika rancangan begini dikesatkan tidak mengikut kehendak Rancangan Malaysia Kedua, itu bermakna bukan rancangan itu berjalan sebagaimana yang kita agong-agongkan yang pada beberapa bulan yang sudah kita mengatakan Rancangan Malaysia Kedua adalah maju. Bermakna juga rancangan rumah sakit ataupun bangunan rumah sakit itu dikesatkan ataupun dibatalkan bermakna kita telah gagal dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua. Dan juga haruslah rumah sakit ataupun health centre di rural areas mestilah diperbaiki supaya penduduk luar bandar juga dapat menikmati kesihatan yang baik, oleh kerana jika rakyat kita sihat, dapat bekerja kuat dan hasil negara pun kita perolehi dengan banyak. Saya harap di mana-mana tempat baik di Semenanjung Malaysia ataupun di negeri Sarawak dan Sabah mana-mana tempat yang sudah dicadangkan untuk mengadakan pembangunan rumah sakit, haraplah perkara itu jangan dibatalkan supaya rakyat kita nanti tidak mengatakan, kami yang hanya mendengar pelaksanaan di sana sini, tetapi di tempat kami sendiri satu pelaksanaan untuk kemajuan tempat kami tidak dapat dilaksanakan oleh pemerintah.

Saya juga suka menyentuh sedikit mengenai Kementerian Perhubungan. Dahulu selalu saya memberi maklumat kepada Menteri yang berkenaan supaya beliau memperbaiki lapangan-lapangan terbang di luar-luar bandar khususnya di negeri Sarawak, oleh kerana di negeri Sarawak pada masa ini banyak tempat yang tidak mempunyai jalanraya, mereka hanya bergantung dengan penerbangan MAS iaitu satu rancangan yang baik juga, akan tetapi pada masa ini yang saya selalu dengar dari rakyat di luar bandar, kerana lapangan terbang di luar bandar itu belum pernah mendapat pelaksanaan yang sesuai mengikut cara-cara yang selalu dilaporkan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Saya juga masih ingat dahulu Yang Berhormat Menteri Perhubungan ada membuat kenyataan kepada saya bahawa Kementeriannya akan memperbaiki berbagai lapangan terbang di luar bandar khususnya di Negeri Sarawak. Saya suka memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri mengenai

dua tiga tempat yang sangat penting dalam kawasan saya, iaitu sebuah lapangan terbang yang dibuat secara gotong-royong dalam tahun 1957, di Long Lellang, tetapi sampai pada masa ini pihak yang bertanggungjawab dari Kementerian Perhubungan tidak ada membuat satu rancangan pun untuk memperbaiki lapangan terbang yang tersebut. Begitu juga keadaannya di Long Banga. Saya harap tempat-tempat yang tersebut itu haruslah diberi satu kemajuan ataupun satu rancangan dalam Rancangan Malaysia Kedua supaya penduduk-penduduk yang tinggal di tempat itu dapat mengeluarkan hasil-hasil perusahaannya mereka ke Miri ataupun ke Marudi. Dan juga lapangan terbang yang telah dibina oleh British dahulu di Bario, walaupun ada beberapa kali lapangan terbang itu diperbaiki akan tetapi pada masa ini masih lagi tidak begitu sesuai untuk kapal terbang yang biasa digunakan sekarang untuk mendarat di sana. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat supaya beliau dengan tegas mengambil tindakan terhadap Lapangan terbang Bario, Long Lellang dan Long Banga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh sedikit mengenai Kementerian Perumahan. Kami semua sedar bahawa pada beberapa tahun yang sudah lampau dengan begitu hebatnya rancangan perumahan telahpun dijalankan oleh Kerajaan akan tetapi apa yang saya sebutkan di sini iaitu rancangan ini bukan hendak menolong orang yang miskin kerana pada masa ini rumah-rumah yang dianggap harga murah itu tidak kurang daripada \$20,000 harga sebuah rumah atau lebih mahal lagi daripada itu. Jadi kepada orang-orang kampung yang miskin tidak mampu membeli rumah-rumah tersebut. Apa yang patut kita buat ialah menolong mereka supaya dapat mendirikan rumah mereka sendiri, tetapi harga papan mestilah dikurangkan daripada apa yang ada pada masa ini, kerana di dalam tempat saya harga papan dahulu satu tan \$100 lebih tetapi sekarang sudah melambung sampai lebih \$400 setan. Jadi saya berharap Menteri yang berkenaan yang mana telah menyatakan di sini dahulu beliau telah melawat ke New Zealand dan Australia dan didapati di negeri itu mereka menggunakan kayu untuk mendirikan rumah, itupun baik juga. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri itu supaya beliau menyelaraskan harga papan di negeri Sabah dan Sarawak,

demikian juga di Semenanjung Malaysia supaya orang-orang yang miskin dapat mendirikan rumah mereka sendiri.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu berkaitan dengan Polis Diraja Malaysia yang mana kami anggap menjadi pagar negara. Pada masa ini kedudukan gaji ataupun elaun Polis Di-Raja Malaysia di Semenanjung ini tidak begitu seimbang dengan anggota-anggota Polis yang bertugas di Negeri Sarawak, begitu juga anggota polis dari Sarawak dan Sabah yang bertugas di Semenanjung. Saya selalu mendengar dari pihak mereka bahawa pihak perajurit dari Semenanjung yang bertugas di Negeri Sarawak atau Sabah mereka mendapat elaun yang besar, pada hal bila orang-orang dari Sabah dan Sarawak bertugas di Semenanjung Malaysia ini, mereka tidak diberi layanan yang begitu baik ataupun tidak diberi elaun yang sama. Perkara ini, pada fikiran saya tidaklah baik dan akan menimbulkan dengki di antara perajurit kita di Sarawak dan perajurit kita yang datang dari Semenanjung. Saya harap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan melihat ataupun akan memperbaiki keadaan ini dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit mengenai Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar. Kami sedar bahawa beliau ini memang berat tanggungjawabnya oleh kerana kebanyakan rakyat dalam Malaysia khususnya pihak bumiputra mereka adalah rakyat yang tinggal jauh di desa-desa yang jauh dari bandar. Saya menyeru kepada Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar supaya beliau memberi banyak lagi kemajuan untuk kepentingan rakyat di luar bandar, khususnya di Negeri Sarawak oleh kerana inipun memang sudah disebut-sebutkan oleh pihak Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum yang lepas bahawa mereka mengatakan tidak ada satu batu yang tidak terbongkar untuk melaksanakan kemajuan jikalau Barisan Nasional jadi pemerintah. Saya yakin ini adalah satu hak bagi saya untuk menuntut janji-janji itu supaya memberi kemajuan kepada penduduk-penduduk di luar bandar baik dalam bidang kesihatan ataupun dalam bidang pelajaran, dalam semua hal yang penting untuk menyelaraskan kehidupan penduduk-penduduk luar bandar dengan rakyat di dalam bandar.

Akhirnya, saya menyentuh sedikit mengenai muhibbah dan perpaduan. Sebagaimana yang kami selalu katakan dengan rakyat di negara Malaysia haruslah perpaduan negara diperbaiki lebih baik daripada yang ada pada masa ini. Inipun perkara yang baik oleh kerana kami semua ingin kepada keamanan dan kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Menteri-menteri Persekutuan, jikalau mereka melawat mana-mana tempat walaupun dalam kawasan Pembangkang, haruslah mereka memberitahu dengan wakil rakyat yang ada di sana. Ini menunjukkan kepada rakyat bahawa pemimpin negara adalah bersatu padu. Sebagaimana yang saya dapati dalam beberapa tahun yang lampau jikalau Yang Berhormat Menteri melawat tempat saya seolah-olah lawatan itu sebagai "lawatan sulit" dengan tidak memberi lapuran ataupun program.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap bila Yang Berhormat Menteri-menteri datang melawat di mana-mana tempat di negara kita, haruslah memberi program supaya wakil-wakil rakyat dapat bertemu dengan mereka mana kesusahan yang dialami oleh rakyat dalam tempat itu dapat diterangkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya harus mengambil peluang ini supaya memberitahu kepada Menteri-menteri lebih-lebih lagi Menteri Perpaduan Negara, jikalau jawatan ini masih ada lagi, iaitu mengenai tingkah laku separuh pemimpin yang mengatakan mereka jadi pemimpin Barisan Nasional khususnya di kawasan saya. Ini bukan perkara yang palsu tetapi perkara ini benar, memang betul-betul berlaku. Pada masa ini ada sebuah kilang kayu balak di kawasan saya.

Saya lihat nama kem itu ada tersiar dalam New Straits Times minggu yang lepas iaitu Sarawak Plywood Timber Company di Long Temalak. Ini satu perkara yang betul-betul menyedihkan perasaan hati rakyat di kawasan Baram. Bila pemuda-pemuda ataupun orang pergi ke kem itu mencari kerja mereka bertanya dahulu: Dari mana kedatangan kamu, di mana kampung halaman kamu? Jikalau mereka mengatakan: Datang dari rumah si anu, dijawabnya: Oh! kami tidak dapat mengambil kamu oleh kerana kamu ini menyokong parti Pembangkang, kamu bukan menyokong Barisan Nasional.

Kami tidak memberi kamu pekerjaan ataupun tugas dalam kem ini. Perkara ini adalah tidak baik. Perkara yang begini akan menimbulkan huru-hara kepada rakyat. Ini bukan memberi perpaduan yang baik, bukan memberi perpaduan yang kita ingini melainkan ini akan merosakkan keamanan. Jikalau pihak Menteri tidak percaya, saya berani pada bila-bila masa samada esok ataupun lusa, saya sanggup ikut mereka menyelidiki perkara ini di tempat saya. Saya dapat memberikan bukti yang cukup terang dan beratusan orang yang sudah diburu atau dihalau dari tempat itu. Jikalau mereka itu menaruh perasaan yang begitu dengki atau begitu tidak senang kepada mereka, katakanlah: Di sini tidak ada kerja pada masa ini, kami tidak dapat menerima kamu. Itu senang sedikit. Jikalau mengatakan: Oh! kamu dari kampung si anu, tidak layak sama sekali diterima bekerja dalam kem ini kerana kem ini dibuka untuk Barisan Nasional. Perkara ini tidak patut, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap biarlah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di Kuala Lumpur memberi arahan yang tegas kepada orang yang mengeluarkan perkataan yang begitu jahat kepada rakyat khususnya rakyat dalam kawasan Baram.

Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak ingat bahawa kawasan kayu balak yang sedang dibuka pada masa ini itu adalah hutan simpanan bagi kegunaan rakyat di dalam kawasan itu pada masa akan datang. Jikalau mereka gunakan untuk kehidupan mereka, mereka akan dapat bergantung kepada hasil itu. Saya harap pada masa yang akan datang tuduhan-tuduhan yang begini ataupun percakapan-percakapan yang keras dan tajam begini tidak dapat digunakan baik dari pihak Pembangkang ataupun dari pihak Barisan Nasional.

4.48 ptg.

Tuan Shamsuddin bin Din (Gerik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul-usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam masaalah Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan juga Anggaran Pembangunan, 1975.

Pada pendapat saya, Belanjawan bagi tahun 1975 ini adalah satu Belanjawan yang menasabah dan berpatutan di dalam masaalah mengatasi ataupun mengawal

keadaan inflasi pada hari ini. Di samping itu, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih di atas ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan pada beberapa hari yang lalu dan saya suka juga menyentuh dalam beberapa perkara. Di antaranya, saya rasa tidak perlulah saya mengulas lebih panjang lagi dalam masaalah inflasi ataupun kekurangan harga getah dan sebagainya. Tetapi ini adalah satu perkara yang perlu juga saya menyentuh dalam masaalah keselamatan dalam negeri ataupun ancaman-ancaman dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui kalau kita memandangkan daripada Anggaran Belanjawan yang begitu besar pada tahun ini, maka sudah sepatutnya pihak Kerajaan akan mengawasi segala perbelanjaan-perbelanjaan itu supaya segala pelaksanaan ataupun pembangunan yang akan dibuat pada tahun 1975 akan berjalan dengan lancar dan baik dari pada satu masa ke satu masa. Dan kita harap perbelanjaan ataupun belanja yang dibelanjakan daripada Belanjawan yang begitu besar tidak akan diganggu gugat oleh anasir-anasir jahat sebagaimana yang telahpun terjadi pada 23hb Mei, 1974. Ini kita ketahui dengan perbelanjaan yang begitu besar pihak Kerajaan telah rugi lebih daripada \$10 juta kerana kerosakan jentolak-jentolak (bulldozers) di Lebuhraya. Dengan sebab itu saya bangun di sini untuk merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat kita bersama mengawasi perbelanjaan itu supaya tidak diganggu gugat oleh anasir-anasir jahat, dan apa yang kita kehendaki yang patut kita buat di masa yang akan datang bagi menghapuskan keadaan-keadaan ini, ini adalah salah satu daripada cara-cara yang ingin saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Malaysia kita hanya ada dua kawasan sempadan yang menjadi begitu hangat dengan gangguan-gangguan ataupun di dalam ancaman-ancaman. Satu daripadanya ialah sempadan Malaysia/Indonesia dan satu lagi sempadan Malaysia/Thailand.

Saya hendak menyentuh mengenai sempadan Malaysia/Indonesia, barangkali saya tidak dapat tahu dan saya pun belum pernah ke sana, tetapi apa yang saya ingin menyentuh ialah sempadan Malaysia/Thailand.

Saya percaya ancaman-ancaman penganas kominis yang berada di sempadan Malaysia/Thailand ada hubungannya dengan anasir-anasir sabversif yang berada di dalam bandar. Anasir-anasir pecah rumah, anasir perompak, penyamun, pembunuh. Ini ada hubungannya dengan anasir-anasir penganas-penganas kominis di kawasan sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji di antara hubungan dua anasir ini maka perlulah pihak Kerajaan mengawasi kawasan-kawasan sempadan daripada Perlis terus ke Kelantan. Jadi selalunya perhubungan-perhubungan yang kita dapati ialah di antara penganas-penganas kominis di kawasan sempadan dengan anasir-anasir sabversif di dalam bandar. Saya percaya untuk mengurang ancaman-ancaman ini perlu pihak Kerajaan mengawal kawasan-kawasan sempadan ini dengan menguatkan pasukan-pasukan keselamatan terutamanya saya berharap kepada pihak-pihak yang berkenaan, Kementerian yang berkenaan membina satu kompleks tentera di dalam kawasan sempadan. Lebih-lebih lagi saya suka menarik perhatian, di antara kawasan-kawasan sempadan ulu Perak dengan Thailand. Kalau kita mengadakan satu Kompleks Tentera bermakna satu bangunan ataupun satu Brigade maka sudah tentulah segala kelengkapan yang dikehendaki itu akan mencukupi kerana pada masa yang telah lalu bila satu-satu kejadian yang telah berlaku maka perhubungan-perhubungan adalah susah didapati daripada Grik ke Ipoh ataupun daripada Grik ke Sungai Patani kerana briged kompleks tentera berada di Ipoh dan di Sungai Patani. Jadi pertolongan-pertolongan daripada pihak-pihak tentera ini lambat sedikit. Di dalam masalah ini patut sangat pihak Kerajaan mengambil perhatian menambah kekuatan-kekuatan tentera dan sebagainya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Perkara yang kedua, di dalam masalah mengatasi masalah keselamatan kawasan sempadan. Saya suka menyeru pihak yang berkenaan supaya membuka satu kawasan tanah yang berada di dalam kawasan sempadan. Dengan pembukaan tanah di kawasan sempadan dan pihak-pihak yang berkenaan hendaklah menempatkan peserta-peserta yang terdiri daripada ex-servicemen

ataupun bekas-bekas pasukan keselamatan dan orang-orang yang dipilih oleh Ahli-ahli jawatankuasa yang berkenaan untuk menduduki di sebelah kawasan sempadan. Dan di samping itu diminta juga pihak yang berkenaan sesudah pembukaan tanah di kawasan sempadan untuk tanah pertanian, diharap kepada pihak perumahan akan dapat mengatur mengadakan satu rancangan perkampungan yang tersusun. Kalau dibina perkampungan yang tersusun daripada satu tempat ke satu tempat dan dimasukkan peserta-peserta yang dipilih daripada bekas-bekas pasukan keselamatan dan orang yang terpilih, maka saya percaya keadaan di dalam kawasan itu akan dapat terjamin sedikit daripada apa yang ada, pada hari ini. Kerana, pada hari ini kita dapati rakyat yang bekerja untuk mencari kayu balak, untuk menebang kayu balak pada hari ini takut hendak masuk ke hutan pada hal kawasan itu tidak diistiharkan curfew, sebab telah terjadi pada 23hb Mei, 1974 dengan letupan jentolak-jentolak (bulldozers) yang begitu hebat dan diikuti pula dengan kejadian pembunuhan serang hendap pada 11hb Ogos, 1974 mengakibatkan pekerja-pekerja yang tidak berdosa terbunuh. Memandangkan kepada keadaan ini pihak penganas-penganas kominis telah menggunakan curfew 24 jam itu menanam booby-trap di kawasan perintah berkurung di mana orang kampung tidak boleh masuk di dalam kawasan itu. Jadi boleh dikatakan pekerja-pekerja hutan pada hari ini telah bimbang akan keselamatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kepada pekerja-pekerja kayu balak bahkan kepada pekerja-pekerja KDC (Korea Development Corporation) untuk membuat satu pembinaan jambatan. Mereka juga berasa bimbang dan takut dan juga kepada pekerja-pekerja yang sedang membina Ampangan Temenggor. Jadi itulah sebabnya saya menarik perhatian di sini supaya pihak Kerajaan mengawal keadaan perbelanjaan pada tahun 1975 dan janganlah sebagaimana yang telah terjadi pada 23hb Mei, 1974 kerana saya percaya pihak penganas-penganas kominis berazam untuk memecahkan jambatan yang merintang di Lebuh raya Timur-Barat menyambung di antara Pantai Barat dengan Pantai Timur dan juga pihak penganas kominis mengancam, berazam untuk menjahanamkan Ampangan Temenggor.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak Kerajaan tidak betul-betul mengatasi atau mengawal dalam masalah ini, saya percaya kemungkinan pihak-pihak pengganas komunis akan dapat bermacam, akan dapat memusnahkan projek-projek jambatan ini dan juga projek Ampangan Temenggor. Apa yang perlu kita buat ialah sebagaimana yang saya terangkan tadi untuk menjauhkan sedikit ancaman-ancaman ini ialah salah satunya dengan pembukaan tanah dan mengadakan satu kompleks tentera dan ditempatkan di situ satu brigade ataupun beberapa brigade yang patut mencukupi dengan alat-alat yang cukup seumpama senjata-senjata moden dan juga satu perkara yang perlu lagi ialah masalah helikopter ataupun perhubungan. Ini ialah satu perkara yang perlu kerana selalunya bila terjadinya serang hendap (ambush) dan kalau melibatkan kecederaan terkorban maka perhubungan untuk menghantar mereka yang terlibat ini untuk mendapatkan rawatan dengan cepat tidak dapat dengan sebab perhubungan tidak dapat diadakan dengan segera. Apa yang perlu seumpamanya di dalam kawasan saya Grik perlu diadakan sebuah helikopter untuk stand-by, menunggu di atas kejadian-kejadian yang akan berlaku bagi membolehkan pihak-pihak yang terlibat itu mendapat rawatan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah ini juga di samping pihak Kerajaan dapat membuka tanah, mengawal keselamatan, maka masalah inflasi juga dapat dikawal dengan sebab bila pembukaan tanah sudah tentulah peserta-peserta dapat menanam segala bahan-bahan apa yang diperlukan oleh mereka dan ini ialah salah satu daripada cara yang mungkin boleh mengatasi sedikit masalah-masalah inflasi yang ada pada hari ini.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh berkenaan perdagangan. Pihak Kerajaan telah memansuhkan cukai eksport papan. Di sini kita mengucapkan berbanyak terima kasih oleh kerana dengan termansuhnya cukai ini dapatlah pihak-pihak pembalok menjalankan pembalakan-pembalakan mereka dan dapatlah pihak-pihak buruh dapat bekerja dengan baik. Apa yang perlu saya menarik perhatian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya pihak Kerajaan ataupun pihak Kementerian yang berkenaan itu dapat memberi peluang ke Grik atau ke

daerah-daerah kawasan-kawasan yang banyak kayu satu integrated industry ataupun Kilang Papan Pelbagai Guna, yang bermakna kilang-kilang yang mengeluarkan hasil-hasil daripada jenis papan.

Dengan adanya integrated industry ini di dalam satu-satu kawasan seumpama di dalam kawasan Hulu Perak, maka masalah-masalah buruh dan kekurangan pekerja-pekerja dan juga masalah melatih bumiputra di dalam perkilangan akan dapat diatasi daripada satu masa ke satu masa.

Perkara yang ketiga, yang saya ingin menyentuh ialah mengenai Kementerian Pelajaran. Di sini kita dapat tahu iaitu kalau kita baca suratkhbar pada hari ini menyatakan Bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya di dalam sekolah-sekolah rendah terus sampai sekolah-sekolah menengah atas iaitu pada tahun 1982. Saya suka menarik perhatian pihak Kementerian, adakah pihak Kementerian akan mengkaji berkenaan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) kerana yang kita tahu penggunaan satu bahasa—Bahasa Malaysia seterusnya ialah daripada Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris) dan Sekolah Kebangsaan. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (China) ini kita tidak tahu lagi. Sepatutnya pihak Kerajaan akan menyatukan, menjadikan satu aliran iaitu aliran Bahasa Malaysia daripada semua sekolah-sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah atas.

Perkara yang ke empat yang ingin saya menyentuh ialah berkenaan dengan guru-guru siswazah. Kita sering kali dapati kalau seseorang guru yang terdiri daripada siswa atau siswazah yang dikenakan tukar ke luar-luar bandar, duduknya katalah di Gerik ataupun di Keroh yang mana di tempat ini memang ada di dalam kepala mereka iaitu satu kawasan yang sangat merbahaya. Siswa atau siswazah ini bila mendapat perintah kena tukar ke luar bandar, maka bila sampai pada bulan Januari, pembukaan sekolah, dia tidak melapurkan diri. Selepas daripada dua minggu daripada pembukaan sekolah itu maka sepucuk surat daripada Kementerian akan datang—Cikgu ini tidak dapat berkhidmat, dan ditukarkan dia ke tempat lain. Ini adalah satu tindakan yang tidak begitu cergas daripada pihak Kementerian. Kalau keadaan ini berlaku terus-menerus, maka

sudah tentulah pelajar-pelajar ataupun murid-murid di luar bandar tidak dapat kepada guru-guru siswa ataupun siswazah yang berkelulusan universiti. Apa yang perlu ialah kalau pihak Kementerian itu menukarkan katalah seseorang guru itu ke kampung-kampung, biarlah sehingga boleh ataupun tidak dia mesti ditukarkan ataupun bagi kata dua—mahu bertukar atau mahu berhenti. Masaalah ini saya harap pihak Kementerian biarlah menjalankan ketegasan sedikit.

Perkara yang kelima yang menjadi satu keributan ataupun yang menjadi satu rungutan pula ialah meminta pihak Kementerian Pelajaran mengkaji masaalah gaji guru-guru besar yang dinaikkan pangkat daripada C III, guru-guru sekolah di kampung-kampung yang dijadikan guru-guru besar. Ini, minta dikajikan semula kerana selalunya kita dapati berlawanan. Sepatutnya guru-guru yang senior akan dapat menduduki tempat guru besar tetapi apa yang berlaku, ada guru yang baharu menjadi guru besar pada hal guru itu pernah duduk di bawah jagaan guru yang lama. Pada satu masa guru yang menjadi guru besar itu belajar kepada guru ini, tiba-tiba dia balik mengatasi daripada guru besar. Ini adalah satu pentadbiran yang kurang baik sedikit dan perlu pihak Kementerian mencari jalan untuk mengatasi masaalah ini. Kalau dijadikan guru besar guru yang junior itu, maka hendaklah guru yang senior itu ditukarkan ke tempat lain supaya keadaan itu tidak terjadi satu suasana yang tidak baik di dalam sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di dalam masaalah keselamatan juga iaitu bersabit dengan kedudukan Anggota Polis Di-Raja. Saya berharap pihak Kementerian dapat mengkaji semula, yang pertamanya kedudukan gaji-gaji pegawai-pegawai rendah ataupun jawatan rendah (rank and file) daripada Pasukan Polis Di-Raja ini sehingga ke Sub-Inspector. Saya dapati gaji-gaji yang disandang oleh mereka ini tidak begitu berpatutan dengan tugas yang diberi pada hari ini kerana tugas yang diberikan adalah berat, gaji yang diberi adalah tidak setimpal.

Yang kedua, berkenaan dengan kenaikan pangkat. Saya minta Kementerian yang berkenaan mengkaji semula kerana kenaikan pangkat yang ada pada hari ini ada didapati beberapa orang yang dinaikkan pangkat secara acting—dari Corporal acting Sergeant

sehingga 12-14 tahun acting sahaja 12-14 tahun belum ditetapkan. Apakah salahnya pihak Kementerian yang berkenaan mengkaji dan mengesahkan (confirmed) kalau dia boleh acting Sergeant sampai 12 ataupun 14 tahun. Mengapa tidak boleh diconfirmkan/ditetapkan. Adakah tempat jawatan itu perlu ataupun tidak? Ini bermakna tempat itu perlu maka dia diberi secara acting. Kalau tempat itu tidak perlu tentulah dia tidak diberi acting. Kalau perlu Kementerian yang berkenaan mengkaji semula supaya di-confirm/ditetapkan pangkat-pangkat Corporal ataupun Sergeant. Jangan diberi dia acting sahaja, kalau acting sampai 12 tahun berat juga dan tidak bermakna.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kalau kita tengok perbelanjaan Pembangunan, 1975 untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat \$4 juta lebih sahaja. Jadi, untuk mengatasi, memperbaiki dan mencari jalan menjadikan belia-belia itu berdisiplin, maka adalah perlu bagi pihak Kerajaan menambahkan anggaran Pembangunan di dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sebab saya berpendapat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh mengatasi masaalah-masaalah belia dengan mengadakan khemah kerja, sivik dan segala latihan-latihan yang tertentu. Jadi, dengan adanya sivik, dengan adanya latihan-latihan yang tertentu ataupun dengan adanya khemah-khemah kerja yang tertentu, maka belia-belia ini akan menjadi belia yang berdisiplin dan boleh jadi belia yang bertanggungjawab, kerana pada hari ini kita percaya belia-belia yang ada pada hari ini akan menjadi pemimpin pada masa yang akan datang. Kalau pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak diberi peruntukan yang lebih bagaimanakah segala aktiviti-aktiviti untuk membolehkan membetulkan, menjaga belia-belia dan beliawanis-beliawanis supaya menjadi seorang yang berdisiplin di dalam negara kita. Perkara ini perlu dan saya menyokong penuh kalau ditambahkan peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menyambung ulasan saya mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini, ada beberapa perkara yang kita selalu katakan ialah masaalah dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati pada hari ini, ada setengah-setengah kumpulan yang kecil dari belia-belia, pelajar-pelajar dan orang-orang dewasa tetapi tidak begitu ramai yang terlibat di dalam masalah dadah, penagih dadah. Jadi, di sini saya suka juga menarik perhatian Kementerian yang berkenaan adakah Kementerian yang berkenaan boleh mempercayai ataupun percaya bahawa pengaruh dadah ini adalah satu daripada rancangan jangka panjang pengganas-pengganas komunis untuk merosakkan negara kita. Kalau kita percaya, maka kita mesti mengkaji dan mengatasi masalah ini. Saya berpendapat kalau seorang komunis yang membawa senjata dengan 50 peluru dan menembak 50 peluru itu belum tentu 50 orang akan mati, tetapi pengaruh-pengaruh dadah, morphine, ganja, heroin ataupun jenis yang dimasukkan ke dalam badan secara injection, dan pill "MX". Saya rasa pengaruh-pengaruh ini adalah lebih merbahaya dari seorang pengganas komunis, kerana kalau pengedar dadah dapat mengedarkan kepada 10 ataupun 15 orang, maka sudah tentulah 10—15 orang ini sudah menjadi penagih. Bila 10—15 sudah menjadi penagih maka sudah tentulah perkara ini dibisik-bisikkan dan akan merebak sampai 20—30—40 orang dan boleh melibatkan kepada semua orang. Jadi, apa yang perlu di dalam masalah ini ialah supaya kita sama-sama mengawasi dan kalau perlu pengedar-pengedar dadah ini kita minta kepada pihak Kerajaan supaya membuat pindaan undang-undang supaya dibolehkan dengan hukuman bunuh kepada pengedar-pengedar dadah. Sebagaimana yang saya katakan tadi pengedar-pengedar dadah ini adalah orang-orang yang merbahaya, lebih bahaya daripada pengganas komunis.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah pelancungan ini juga perlu pihak Kerajaan mengambil tindakan ataupun menjalankan daya-usaha, kerana kita tahu, terutamanya di kawasan-kawasan sempadan sebagaimana di kawasan saya di Grik adalah perlu pihak Kerajaan mengambil daya-usaha untuk mengadakan tempat-tempat pelancungan, kerana boleh dikatakan tiap-tiap hari pelancung-pelancung datang daripada Thailand masuk ke dalam negara Malaysia untuk melancung dan membeli-belah. Apa yang perlu saya sebutkan seperti di Kroh itu pihak yang berkenaan yang di bawah pimpinan Tuan A.D.O.—Penolong Pegawai

Daerah, Kroh telah mengadakan satu padang golf 9 lubang, dan saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberi peruntukan yang tertentu supaya dapat diperbaiki padang golf itu. Perkara kedua ialah bangunan-bangunan Imigeresyen dan Kastam. Saya minta Kementerian yang berkenaan dengan sebab pelancung-pelancung daripada negeri Thai datang ke Malaysia dan juga daripada orang-orang Pulau Pinang yang hendak pergi ke negara Thai melalui sempadan ini, bangunan-bangunan Imigeresyen dan Kastam dalam kawasan Kroh itu tidak begitu baik, kerana kalau kita bandingkan bangunan Kastam dan Imigeresyen, Siam di Betong adalah lebih baik.

Saya harap Kementerian yang berkenaan mengadakan satu kajian dan membina satu bangunan. Kalau boleh bangunan itu biarlah betul-betul dekat dengan sempadan Malaysia-Thai, bukan sebagaimana sekarang di antara bangunan-bangunan Imigeresen ke sempadan ialah lebih-kurang 4 batu. Jadi, orang-orang kampung mengagakkan dan orang-orang luar juga mengagakkan bahawa di antara Kastam/Imigeresen Malaysia ke sempadan Malaysia-Thai "no man's land" atau tanah yang tidak ada orang. Pada hal penduduk-penduduk yang ada di situ adalah terdiri daripada rakyat Malaysia juga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan tanah yang tidak ada orang—tidak ada tuan punya.

Tuan Shamsudin bin Din: Tidak ada tuan punya. Penduduk-penduduk di situ juga menganggap diri mereka itu tiada siapa yang boleh menguasai. Kalau dapat pihak Kementerian yang berkenaan samada imigeresen atau Kastam mengadakan satu bangunan dekat sempadan Malaysia-Thai.

Tuan Yang di-Pertua, cara-cara ini bukan sahaja kita dapat memajukan pembangunan-pembangunan di dalam negara, bahkan yang lebih besar ialah masalah dari segi keselamatan. Kalau dibuat dengan kompleks-komplek tentera, pembukaan tanah, perumahan dan perkampungan dengan secara teratur dan mengadakan tempat-tempat perlancungan, maka ini boleh meringankan sedikit daripada ancaman-ancaman yang ada pada hari ini, kerana kita tahu kecacauan-kecacauan yang terjadi yang melibatkan beberapa juta harta Kerajaan telah rosak dan

beberapa nyawa telah hilang semuanya berlaku di dalam hutan. Jadi kawasan ini kalau kita sudah tebas dan bersihkan maka sudah tentulah perkara ini akan dapat di atasi daripada satu masa kesatu masa dan keadaan keselamatan di dalam negara kita pun mungkin terjamin. Walau bagaimanapun, dengan keadaan yang ada pada hari ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan yang kedua kepada Menteri-menteri yang berkenaan dan yang ketiganya kepada pasukan-pasukan keselamatan daripada peringkat rendah hingga sampai peringkat atas, kerana keadaan hari ini walaupun di sebelah kawasan sempadan berada di dalam gangguan sedikit, tetapi kita dapat bersidang terus sehingga hari ini.

5.24 ptg.

Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Asneh (Hilir Padas): Tuan Yang di-Pertua, bagi memberi sokongan Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Usul Pembangunan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia, di sini sebagai mewakili rakyat di kawasan saya, izinkanlah saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai Perbendaharaannya yang begitu menitikberatkan kepentingan rakyat jelata yang berpendapatan rendah, moga-moga Allah subhanahu wataala melanjutkan usia pihak-pihak yang berkenaan dan dapat memberi khidmat yang sempurna lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan kesyukuran ke hadrat Allah subhanahu wataala di atas terlantiknya seorang bumiputra yang julung kalinya di dalam sejarah Kerajaan Malaysia memegang jawatan selaku Menteri Kewangan, selain daripada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin bahawa Yang Amat terhormat Timbalan Perdana adalah seorang nasionalis yang tulen dan berkelayakan yang patut memegang amanah negara.

Di dalam masa menghadapi inflasi atau stagflasi ini, inginlah saya menarik perhatian

pihak Kerajaan Pusat supaya berusaha dan memberi peruntukan yang berlebihan kepada pembinaan jalan-jalanraya, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman dan juga melebihi peruntukan di bidang perkhidmatan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut seruan-seruan dan nasihat-nasihat yang selalu dibicarakan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri kita atau pemimpin-pemimpin kita di majlis-majlis perjumpaan dengan rakyat, terutama sekali rakyat di luar bandar, bahawa rakyat diminta mengambil inisiatif supaya melipatgandakan lagi bagi berusaha sendiri untuk bercucuk-tanam samada sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan bagi mengatasi inflasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya rakyat di negara kita ini tidak sihat, kerana kekurangan doktor-doktor yang memberi rawatan kepada mereka, terutama penduduk-penduduk di luar bandar, para petani yang kita harap-harap untuk bekerja bagi pengeluaran hasil tempatan samada sayur-sayuran, buah-buahan dan binatang-binatang ternakan itu seringkali kita dapati kurang sihat, sakit. Begitu juga jalan-jalanraya bagi mereka untuk membawa hasil-mahsul dari luar bandar hendak dijual ke bandar masih belum baik, lumpur tidak dibubuh batu, dan tidak dapat dilalui dengan kereta. Dengan ketiadaan doktor-doktor dan jalan raya yang baik bagi penduduk di luar bandar itu, maka pada fikiran saya bahawa seruan Kerajaan kepada rakyat supaya melipatgandakan pembekalan bahan-bahan makanan tempat bagi kepentingan rakyat sendiri untuk mengatasi zaman inflasi itu mungkin sia-sia sahaja, jika kemudahan-kemudahan kepada rakyat seperti mendapat rawatan yang sempurna dan mendapat jalan-jalanraya yang baik tidak dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli di Dewan yang mulia ini, sekali lagi saya meminta dengan sesungguhnya supaya dapatlah hendaknya pihak Kerajaan melaksanakan cadangan saya ini di dalam masa yang sesingkat-singkatnya demi kepentingan rakyat jelata di seluruh negara yang telah memberi mandat dan kepercayaan yang sepenuhnya kepada Kerajaan Barisan Nasional. Misalnya, di kawasan saya dan termasuk kawasan Yang Berhormat dari kawasan Ulu Padas dan kawasan Yang Berhormat dari Kimanis iaitu tiga daerah,

Beaufort, Kuala Penyu dan Sepitang. Pada masa ini hanya diadakan seorang doktor, ini baru di kawasan kami bertiga, tetapi ada kemungkinan di kawasan-kawasan lain lagi di seluruh negara ini dan setengah-setengah tempat mungkin lebih menyedihkan lagi keadaannya, samada di segi rawatan kesihatan, mahupun pembinaan jalan-jalanraya yang belum sempurna dan yang boleh dikatakan baik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyertaan bumiputra di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang pihak Kerajaan berharap sangat supaya jurang perantaraan di antara ekonomi bumiputra dan bukan bumiputra atau di antara yang berada dan tidak berada itu dapat diselaraskan hingga tidak begitu jauh perbedaannya di bidang tersebut di masa-masa akan datang. Tetapi yang menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, satu daripada cara dan daya galakan dari pihak Kerajaan supaya bumiputra dapat turut menceburkn diri dalam bidang perniagaan secara langsung dengan cara diberi peluang meminjam wang di bank-bank di negara ini dengan cara pinjaman Credit Guarantee Corporation. Tetapi malangnya, ada terdapat diantara pengurus-pengurus bank yang tidak mahu langsung memberikan Kerjasamanya kepada Kerajaan untuk melaksanakan cita-cita suci Kerajaan ini. Perkara ini, perlulah diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan kepada pihak bank-bank yang berkenaan supaya menitikberatkan pelaksanaan pinjaman Credit Guarantee Corporation ini menurut saluran yang sebenarnya untuk kepentingan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Dewan-dewan Perniagaan di negara kita ini yang mana mengambil peranan penting di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tetapi selagi ada Dewan Perniagaan Tionghua, Dewan Perniagaan India dan Dewan Perniagaan Bumiputra masih menuju haluan dan matlamat masing-masing dan masih menjaga kepentingan masing-masing, pada pendapat saya, Dasar Ekonomi Baru tidak akan terlaksana pada masa yang di harapkan oleh pihak Kerajaan, kecuali Dewan-dewan Perniagaan tersebut dimansuhkan dan hanya Dewan Perniagaan Malaysia akan mengambil-alih pentadbiran Dewan-dewan Perniagaan samada di peringkat pusat, negeri dan daerah-daerah. Maka

dengan tindakan seperti ini sahajalah akan mempercepatkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kerana bercanggahan dan berselesih faham di antara Dewan-dewan Perniagaan tidak akan timbul lagi dengan adanya Dewan Perniagaan Malaysia yang tidak berbau perkauman dan berdiri di atas dasar nasional yang sebenarnya. Insya Allah Dasar Ekonomi Baru akan terlaksana dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kenaikan Road Tax kereta-kereta di negara kita ini tidak sepatutnya di kawasan Semenanjung Malaysia disamakan dengan negeri-negeri di Sabah dan Sarawak. Kerana di sana terutama sekali Sabah, jalanraya-jalanrayanya kebanyakannya tanah kuning dan gravel roads sahaja tidak sama standardnya dengan jalanraya-jalanraya di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, besarlah harapan saya supaya Road Tax bagi kenderaan-kenderaan di Malaysia Timur, khasnya di Sabah dapat hendaknya Menteri Kewangan mempertimbangkan semula dan mengurangkan Road Tax yang berkenaan pada ala-kadar yang sewajarnya menurut standard jalanraya di Sabah. Lagipun di Sabah harga kereta dan minyak adalah lebih mahal dari harga kereta dan minyak di Semenanjung Malaysia.

Akhir sekali, melalui Dewan yang mulia ini ingin saya minta Menteri Kesihatan supaya dapat hendaknya memberi timbang rasa dan belas kasihan kepada rakyat di kawasan saya bagi menambah seorang doktor lagi di Rumah Sakit Beaufort selewat-lewatnya awal tahun hadapan. Dengan adanya dua orang doktor yang berkhidmat di Rumah Sakit tersebut, maka bolehlah salah seorang dari doktor-doktor itu bertugas tetap di Rumah Sakit dan seorang lagi boleh bertugas di luar iaitu ia boleh bertugas seminggu di daerah Kuala Penyu dan seminggu ia pergi bertugas ke daerah Sipitang. Sekiranya pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengambil orang-orang berkelulusan doktor suami-isteri lagi baik, kerana suami boleh bertugas keluar dan isterinya bolehlah bertugas di Rumah Sakit. Setahu saya, bahawa isteri doktor yang berkhidmat di Rumah Sakit Beaufort pada masa ini iaitu Puan Abdul Razak ada berkelulusan kedokteran. Oleh itu, sekiranya pihak Menteri Kesihatan tidak keberatan mengambil isteri Dr Abdul Razak ini berkhidmat

di Rumah Sakit Beaufort adalah sungguh sesuai dan menasabah sekali, kerana suaminya sedang berkhidmat di Rumah Sakit yang sama dan berpengalaman bagi mengendalikan masalah-masalah pesakit. Oleh itu, kalau isteri beliau bertugas di sampingnya sendiri tentu sekali segala masalah-masalah pesakit-pesakit dapat mereka bersama-sama atasi dan melayani dengan sempurna, kerana pihak suami boleh memberi bimbingan kepada isterinya dengan berbincang, bertukar-tukar fikiran secara bebas.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya dengan sungguh-sungguh meminta pihak Menteri yang berkenaan supaya dapat meluluskan permohonan dan harapan rakyat di kawasan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi bahan atau bekalan yang patut diutamakan pelaksanaannya bagi perbekalannya kepada rakyat di luar bandar ialah bekalan air dengan secepat-cepatnya yang boleh terdaya oleh pihak Kerajaan, kerana air yang bersih adalah membawa kesihatan yang sempurna kepada rakyat.

6.37 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):

Tuan Yang di-Pertua, dengan keizinan saya berharap dapat menyampaikan pandangan dengan mengemukakan beberapa perkara yang saya berpendapat sedikit-sebanyak menyentuh Belanjawan yang sedang dibahaskan ini.

Yang pertama, saya rasa berkewajipan menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan kita iaitu mengenai kekurangan duit syiling yang sedang berlaku sekarang di Perak, di Penang dan juga di lain-lain bandar. Kekurangan duit syiling ini merebak di bandar-bandar lain yang keadaan ini adalah amat menyusahkan orang-orang yang berpendapatan rendah, terutama sekali petani-petani dan penoreh-penoreh getah. Mengikut apa yang saya tinjau kekurangan duit syiling ini adalah sebelum Hari Deepavali lagi dan pada masa ini keadaan adalah amat menyulitkan.

Saya juga difahamkan iaitu pembeli-pembeli barang di pasar atau di kedai-kedai sekiranya mereka membawa wang seringgit, maka terpaksa dibeli barang sehingga berharga seringgit, kerana sekiranya

membeli kurang pihak tokeh kedai tidak ada mempunyai wang syiling untuk tukaran. Begitu juga dengan penumpang-penumpang bas, mereka juga terpaksa menyediakan wang syiling sekiranya tambang yang akan dikenakan kepada mereka kurang daripada satu ringgit.

Mengikut tinjauan singkat yang saya buat bahawa kekurangan wang syiling ini adalah disebabkan adanya pihak yang tidak bertanggungjawab mengumpulkan wang syiling negara ini untuk dileburkan semula kerana mengikut cerita yang timbul bahawa nilai logam yang ada di dalam syiling negara ini lebih daripada nilai yang ditetapkan. Seperti wang syiling 10 sen apakala dilebur nilai logamnya yang ada ialah sebanyak 13 sen. Begitulah seterusnya kepada syiling-syiling yang lain.

Seperkara lagi mengikut ceritanya wang syiling negeri ini sedang diseludupkan ke negara jiran. Mengenai perkara ini samada benar atau tidak adalah menjadi harapan saya kiranya Kementerian yang berkenaan dapat membuat penyelidikan dan sekiranya benar, diharap Kementerian yang berkenaan dapat membuat pengumuman kepada orang ramai, kerana sekiranya perkara ini ditangguh-tangguhkan adalah merupakan kesempatan bagi peniaga-peniaga menindas pembeli-pembeli dan apa yang paling dikuatirkan ialah petani-petani, penoreh-penoreh getah dan murid-murid sekolah adalah sentiasa menjadi mangsa. Saya berharap satu tindakan yang segera patutlah diambil untuk mengatasi kesulitan ini oleh pihak yang berkenaan. Tidakkah dapat dikeluarkan wang kertas untuk menggantikan syiling yang lengkap sekarang ini?

Yang kedua, saya suka menarik perhatian Kementerian Pelajaran iaitu dalam membincangkan Belanjawan Kementerian Pelajaran bagi tahun 1975, saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak lupa menyelitkan sama peruntukan bagi membuat dewan dan asrama bagi Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Ya'kub di Bota, Parit kerana kalau diteliti adalah amat tidak menasabah bagi sebuah sekolah menengah yang mempunyai murid seramai 2,237 orang dan guru seramai 83 orang tidak mempunyai dewan sekolah dan juga asrama bagi penuntut-penuntut yang tinggal jauh. Diharapkan ini mendapat perhatian berat dari Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Berhubung dengan perkara murid-murid yang mendapat Gred C dan S di dalam Peperiksaan Sijil L.C.E. atau S.R.P. untuk mengatasi perkara ini, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya mengadakan sekolah pertukangan sekurang-kurangnya di tiap daerah. Dengan cara ini, saya fikir tidaklah murid-murid yang mendapat keputusan pelajaran seperti di atas menjadi liar ataupun tidak tentu kedudukannya. Ini ialah memandangkan kesulitan yang dihadapi oleh ibu-bapa apabila anak-anak mereka tidak dapat meneruskan pelajaran ke Tingkatan IV. Saya fikir inilah satu-satunya jalan untuk Kerajaan mengawal pemuda-pemuda kita membuat perkara yang tidak diinginkan dan saya percaya dengan cara inilah dapat mereka menyesuaikan diri di dalam masyarakat Malaysia yang makmur pada masa yang akan datang.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu di negara ini telah ada tertubuh beberapa buah sekolah asing dengan tujuan memberi pelajaran kepada anak-anak para diplomat asing dan anak-anak para pegawai dan ahli-ahli perniagaan. Sekolah-sekolah ini adalah mengikut dasar dan sukatan pelajaran di negara mereka masing-masing manakala guru-guru biasanya disediakan oleh Kerajaan yang berkenaan. Di antara sekolah-sekolah asing itu terdapat sekolah asing yang bertujuan untuk memberi pelajaran kepada anak-anak para diplomat dan ahli-ahli perniagaan Inggeris yang berdasarkan sukatan pelajaran dan sistem pelajaran Inggeris. Apa yang mendukacitakan ialah terdapat segolongan rakyat Malaysia yang turut sama menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut walaupun mereka terpaksa membayar yuran sekolah tersebut dengan bayaran yang tinggi. Perbuatan ini nyata sekali yang mereka tidak mempunyai kepercayaan terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan negara ini dan menganggap anak-anak mereka harus diberikan pelajaran melalui saluran-saluran yang lebih istimewa. Mereka bercadang setelah anak-anak mereka menamatkan pelajaran peringkat rendah di sekolah tersebut akan dihantarkan pula ke seberang laut untuk menyambung lagi pelajaran anak-anak mereka di peringkat menengah dan tinggi dengan sepenuh-penuhnya mengikut dasar dan sistem pelajaran negara asing. Warga-negara Malaysia yang seperti ini haruslah

diambil perhatian dan diambil sebarang langkah supaya perbuatan mereka tidak dicontohi oleh lebih ramai lagi sesuai dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan negara ini yang bermaksud mewujudkan perpaduan melalui pelajaran. Dakwaan ini bukanlah merupakan "Nujum Pak Belalang", tetapi dapat dibuktikan dengan membuat tinjauan di sebuah sekolah asing yang berdasarkan sistem pelajaran bahasa Inggeris di Ipoh. Namanya tidak payah saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keempat, Kementerian Kerja Raya dan Tenaga iaitu mengenai bekalan api letrik di kampung-kampung. Bagi kampung-kampung yang belum mendapat bekalan api sedangkan kampung-kampung atau kampung-kampung yang berjiran atau bersempadan dengannya mempunyai api letrik dan adalah diharap Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang berat iaitu agar perasaan jauh hati tidak berlaku. Dalam hal ini, walaupun banyak perbelanjaan yang diperlukan, tetapi adalah juga menjadi kewajipan kita agar perasaan yang saya sebutkan tadi tidak berlaku.

Dalam perkara berkaitan dengan bekalan api letrik ini juga, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan khususnya Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar iaitu kiranya galakan bagi mendirikan perusahaan kecil (cottage industry) dapat diberikan terutama sekali di kampung-kampung yang telah mendapat bekalan api letrik kerana dengan galakan dan tunjuk ajar yang sedemikian ini akan merupakan sumber baru kepada penduduk-penduduk kampung selain dari bekalan api yang mereka dapat itu digunakan untuk kegunaan domestic atau untuk hiburan dari radio dan talivisyen sahaja, dan sekiranya boleh sukalah saya mengesyorkan di dalam Dewan ini kiranya sebuah badan atau Jawatankuasa tertentu dibentuk bagi tujuan tersebut agar perusahaan di kampung-kampung dapat ditajakan dengan seberapa segeranya.

Yang kelima, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kerajaan hendaklah menetapkan iaitu mana-mana pelabur asing atau tempatan sekurang-kurangnya 20% atau 30% modal bumiputra kepada mana-mana syarikat kilang atau industri sebelum diberi kelulusan iaitu serupa dengan syarat-syarat

kepada pelabur-pelabur yang memohon taraf perintis. Buat masa sekarang ini pelabur-pelabur asing atau tempatan hanya dikehendaki memperuntukkan 30% modal bumiputra tetapi syarikat-syarikat kilang masih dibenarkan berjalan tanpa penyertaan bumiputra kerana sebagaimana difahamkan sekarang ini sungguhpun tiap-tiap syarikat kilang telah diperuntukkan 30% kepada bumiputra, tetapi sebagaimana difahamkan itu adalah terpulang kepada Kementerian mencari pelabur-pelabur daripada bumiputra sendiri dan ini adalah satu tanggungjawab Kementerian juga.

Yang keenam, saya berasa berkewajipan mengemukakan masalah yang sedang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan saya Parit, mengenai dusun-dusun buah-buahan. Lebih 90% daripada dusun-dusun yang terdapat di sepanjang Sungai Perak dalam kawasan saya terdiri daripada pokok-pokok tua yang umurnya lebih tua daripada umur saya sendiri. Hasil buah-buahan itu pula telah banyak merosot jika dibandingkan dengan pengeluarannya pada 15 atau 20 tahun yang lalu. Jika perkara ini tidak diambil sebarang tindakan, saya bimbang durian Parit akan tidak dapat dinikmati oleh penduduk Ibu Kota dalam beberapa tahun lagi.

Di sini saya ingin menarik perhatian RISDA melalui Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar agar mempergiatkan lagi kempen menanam semula pokok buah-buahan dan dusun di kawasan Parit khususnya dan di seluruh negara amnya. Sesuai dengan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menekankan "Perusahaan yang berdasarkan pertanian" guna mengurangkan kesan-kesan inflasi, walaupun ini merupakan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang bertuah ini, saya suka mengucapkan tahniah kepada MARDI di atas daya usaha mereka menjalankan penyiasatan dan percubaan sehingga berjaya mendapatkan sejenis padi baru yang diberi nama "Madu Tiga" di Seberang Perak dalam kawasan saya. Saya telah difahamkan bahawa padi Madu Tiga ini boleh mengeluarkan hasil hingga seribu gantang pada seekor sawah. Saya berpendapat jika benar seperti yang dikatakan itu, maka ini akan menolong negara ini dalam

usaha mengeluarkan beras sepenuhnya untuk keperluan negara. Di samping itu juga saya suka membuat seruan kepada MARDI supaya menjalankan juga usaha penyelidikan-kannya dalam bidang pertanian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah di kedua-dua tebing Sungai Perak itu adalah merupakan tanah yang subur kerana terbentuk dari lanar bah sejak zaman berzaman, tetapi kesuburan itu telah tidak dipergunakan sepenuhnya oleh penduduk-penduduk setempat akibat dari kekurangan pelajaran dan sikap mereka yang tradisi, keadaan dusun-dusun yang teradisi, dengan pokok buah-buahan tradisi mengakibatkan pengeluaran hasil yang tradisi juga tegasnya "tidak ekonomik". Di sini saya ingin menarik perhatian MARDI atau badan-badan lain yang berkenaan supaya menjalankan penyelidikan dan percubaan kepada tanah-tanah di kawasan itu guna mencari tanaman-tanaman apakah yang paling sesuai dan paling menguntungkan serta dusun cara manakah yang paling ekonomik bagi diusahakan oleh penduduk-penduduk di sana.

Saya percaya jika kedua-dua badan ini, RISDA dan MARDI atau badan-badan lain yang berkenaan dapat menyelaraskan kerjasama mereka bagi maksud membaharui dusun-dusun yang tradisi seperti yang ditegaskan tadi, maka ini dapat meninggikan lagi pendapatan dan taraf hidup penduduk-penduduk di kawasan saya atau penduduk-penduduk luar-bandar amnya.

Buah-buahan yang dibawa masuk dari negeri-negeri jiran seperti buah mata kucing, buah mangga, buah limau dan lain-lain yang sangat disukai ramai itu boleh ditanam di Malaysia juga asalkan pihak-pihak yang berkenaan itu betul-betul menjalankan penyelidikan dan membawa masuk pokok-pokok itu untuk dicuba dan setelah ianya dikeluarkan ke tempat-tempat penyelidikan pertanian di merata rata tempat di Malaysia ini yang mana pada masa ini penuh denganalang dan pokok buah-buahan yang hampir setengah mati itu. Sekiranya betul dasar Kerajaan untuk menggalakkan orang ramai menanam pokok buah-buahan tempat penyelidikan pertanian itu patutlah diadakan satu Bahagian Khas untuk penukaran benih pokok buah-buahan yang baik sebagaimana yang dibuat di Filipina itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.55 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I am pleased to take this opportunity to speak in this House.

Mr Speaker, Sir, touching on the land development which will be introduced by the Federal Government as stated in the Budget speech by the Honourable Minister of Finance introducing the 1975 Budget, we in the State of Sarawak are very hopeful that this implementation of development would not only be stated on paper but will be carried out as well especially in the rural areas like in most parts of Sarawak.

Mr Speaker, Sir, the people of Sarawak, including myself, are mostly farmers and pepper planters. We do hope to get a very fair share of the said development to subsidise our financial needs. Mr Speaker, Sir, during the 1970 General Election the Coalition Government got into power and introduced the Pepper Subsidy Scheme for the State of Sarawak. Pepper planters in Sarawak were hopeful that this Scheme would be carried out properly, but instead some farmers got only 6 bags of 40 kilos of fertilisers for their, 1,000 vines or posts of pepper during these 4 years. Others got much less than that and some got only one bag from the Subsidy Scheme, although the Pepper Subsidy Scheme was approved by the Agriculture Department. Mr Speaker, Sir, the pepper planters in the State of Sarawak now are very discouraged at the rising cost of fertilisers. One bag of 40 kilos of fertilisers costs \$60 or more. Because of the high price of fertilisers and lack of agricultural facilities the gardeners in the State of Sarawak find it hard to maintain their gardens well. Pepper is one of the major export commodities of Sarawak. Mr Speaker, Sir, may I suggest that the Government find ways and means to bring the cost of fertilisers down and that the duty on imported fertilisers be reduced.

Since the past 4 years, Mr Speaker, Sir, the State Government of Sarawak has done very little to improve the standard of living of the rural people, especially in my constituency of Julau. The State Government only creates more hardship for the farmers

by increasing the sales tax. The poverty of the rural people is real. The cost of rice is \$4.80 per gantang and sugar is 80 to 90 cents per kati in some parts of Sarawak and these food items, Mr Speaker, Sir, we need for our daily consumption. The price for our rubber is only 25 cents a kati. Mr Speaker, Sir, this is certainly not enough to maintain a decent standard of living. Most rural dwellers in Sarawak earn their cash mainly from tapping their plots of smallholding rubber.

Mr Speaker, Sir, I know that the price of rubber, like the price of our other raw material resources, is influenced by the trade patterns in other countries but, Sir, in view of the importance of rubber to the livelihood of our small-time farmers, especially in the rural areas in Sarawak, I suggest that the Government should consider supporting a minimum floor price for unsmoked sheet rubber sold by smallholders. The floor price should be at a level that would make it possible for a family to earn at least a living income. I would say, Sir, in view of present prices of food, this would be at least fixing a price for the smallholders at 60 cents per kati for unsmoked sheet rubber.

Mr Speaker, Sir, the former Coalition Government and the present State Barisan Government in Sarawak under the same leadership do not take enough care of the interest of the rural dwellers in Sarawak.

In the field of education, the State Government has not given enough priority to the improvement of education facilities in rural areas. There is a lack of teachers, there is a lack of school equipment and books for the children to read. How can four to five pupils sit at a round table reading from the same book amongst them? And again, Mr Speaker, Sir, how can only two teachers teach and deal with more than 100 pupils in five different classes in each school? These things are common in rural areas in Sarawak, Sir, and these things are true in my constituency. I have seen them with my own eyes. So, I would suggest that Government should provide adequate funds for the improvement of rural education. Unless rural children are given fair opportunities in school, the rural dwellers will continue to be victims of the vicious circle. They have poor educational facilities, and so they cannot achieve an adequate level of education and therefore are

unable to compete on an equal footing for opportunities in life and thus be condemned as it were in continued and continuing disadvantage.

6.03 ptg.

Tuan Lim Kiam Hoon (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Lim Kiam Hoon: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I stand to speak with a heavy heart, and heavier with the recent announcement of permitted increases in the prices of certain essential commodities—for example, sugar, flour and bread.

Not so many years ago when we were without our sugar refineries, sugar was obtainable at 15 cents a kati; and now with the setting up of refineries in Peninsular Malaysia, the sugar price has, by not long intervals, increased from 30 cents to 45 cents and then to 50 cents, and now to 60 cents a kati. I believe our Government has recently signed an agreement with the Australian Government for the supply of sugar and this permitted increase of ten cents is therefore not easily understood by the general public. Similarly, with the setting up of flour mills in the country, the trend of price hike followed, and the permitted price is now 50 cents a kati.

A purported pound or loaf of bread formerly obtainable at 28 cents can now only be obtained at 45 cents. A bun costing five cents in 1973 is now being sold at 10 cents—100 percent increase.

Tuan Yang di-Pertua, I humbly submit and sincerely and earnestly hope that the Minister or Ministers concerned will take such steps as may be deemed necessary to stop these price hikes and, if possible, lower the prices of essential commodities, like rice, sugar, cooking oil, flour, and milk powder. No amount of economic allowance would help to lessen the plight of the working and poorer classes. Tuan Yang di-Pertua, the

working and poorer classes are not all blessed with special relief allowance and moreover with each increase in allowance the hike in price will follow.

Tuan Yang di-Pertua, I observe that our Government is greatly concerned with timber industries and Government has urged the use of timber for building houses. I am very happy indeed about this move.

Tuan Yang di-Pertua, I would like to take this opportunity to urge our Government to set-up a scheme to buy rubber directly from the smallholders. In my kawasan of Padang Serai, that is South Kedah, two weeks ago, we held a meet-the-people session at Bikan where we had representatives from three kampungs, that is Labuk Besar, Bikan and Bagan Sena. From this meeting and from enquiries I made, I found that it was true to say that a kati of rubber could not even buy a kati of ikan Tamban and it is also true to say that some of the rubber tappers in my constituency are living on a starvation diet. It is because a rubber tapper in my kawasan working for a smallholder is earning about \$1.50 per day, if it is not raining.

Tuan Yang di-Pertua, in 1971 the price of rubber fell to about the present price, but at that time one gantang of rice was \$1.60 and sugar was 35 cents a kati. People living in my constituency are badly hit by the low rubber price and the high cost of foodstuffs. As a result of the low price of rubber and the high cost of foodstuffs, there were several demonstrations by the kampung people in Central and South Kedah. It was started in the district of Baling, followed in Sik and then Kulim, Mahang and yesterday it was in Lunas.

Tuan Yang di-Pertua, in order to help them, two things can be done and must be done very quickly:

- (1) I suggest that our Government set up a scheme immediately to purchase rubber directly from the smallholders. In this connection I was happy to hear the Minister of Primary Industries telling this House last Tuesday that his Ministry would study the situation and do something about it. I sincerely hope by now he has made up his mind before it is too late.

Tuan Yang di-Pertua, in 1967 our Government had set up a Scheme to buy rubber and the Scheme was repeated again in 1971 and on both occasions it proved to be very successful. There is no reason why we cannot do it again. In order to help the smallholders, our Government should buy more low grade rubber, stock it and sell it to socialist countries when the price is good.

- (2) The Government should review the present method of assessing the rubber cess or tax which is too harsh on the smallholders who produce low grade rubber to sell at such low price.

Tuan Yang di-Pertua, as a long-term policy, may I suggest that our Government should promote more local use of rubber, as the J.K.R., for example, is doing now, and it should also encourage more factories to be established using rubber to manufacture articles, for example tyres. If I am not mistaken, we have only two tyre factories in Malaysia. By doing so, we do not have to rely solely on exporting rubber sheets, but we could export tyres, etc. manufactured in Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, I would like to take this opportunity to say something about new villages. Our Government had in the past neglected the welfare of most of the new villagers in Peninsular Malaysia. It was only three years ago that a Ministry with Special Functions was created to look into the welfare and problems of these new villagers. But, unfortunately, there were too frequent changes of Ministers, as a result of which not much had been done. I sincerely hope that the present Minister of Housing and New Villages will remain in the same Ministry until the next General Election, so that all the New Villagers' problems and programmes will be solved and carried out more effectively. I would like to draw the attention of the Minister concerned to take immediate steps to acquire lands surrounding new villages for agricultural purposes. Priority should be given to those landless new villagers, for example in the State of Kedah in general and in Sungai Gurun New Village in Gurun, Kedah in particular.

Tuan Yang di-Pertua, I would like to touch on the acute shortage of coins. In order to overcome the shortage of coins, the authorities concerned should do two things immediately: (i) to set up a Committee of Enquiry to find out the cause of the shortage and to take steps to stop it; and (ii) to issue 5 cent, 10 cent, 20 cent and 25 cent paper notes as soon as possible, so as not to inconvenience the public, for example, the parking attendants, bus conductors and small businessmen of all kinds.

Tuan Yang di-Pertua, before I sit down, I would like to touch on the recent M.C.E. Bahasa Malaysia paper leakage reported with headlines, by nearly all the newspapers in this country. In Penang, one of the Chinese newspapers on the 19th of November 1974, reported that copies of Paper I was sold for \$50 each and copies of Paper II was sold for \$100 each to certain pupils in several schools there.

Tuan Yang di-Pertua, as we all know, Bahasa Malaysia is a compulsory subject and a candidate fails the whole M.C.E. examination if he fails in this subject. The leakage is therefore a very serious matter indeed. It is not only affecting the future of those students who sat for the particular M.C.E. examination but is also directly affecting our whole educational system and our country's good name.

Tuan Yang di-Pertua, I am glad that the Minister concerned has taken the right move and has ordered an expert investigation to be made immediately. He has now decided to order the re-setting of the Bahasa Malaysia Paper I and Paper II. I sincerely and earnestly hope that the Minister concerned will do his very best not only at undoing the dishonest but also to ensure once and for all that future leakage of such papers will not occur again.

6.17 ptg.

Tuan Ja'afar bin Hamzah (Johor Bahru): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan serta mengalu-alukan Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan pada hari Selasa yang lepas.

Belanjawan yang dibentangkan itu yang begitu molek dan baik sememang boleh diberi kepujian dan sepatutnya diberikan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, kerana pada hemat saya Belanjawan yang dibentangkan itu tidak begitu membebaskan rakyat pada keseluruhannya, terutama sekali rakyat yang golongan berpendapatan rendah kerana boleh dikatakan tidak ada samada daripada golongan yang berpendapatan rendah mahupun mereka yang berpendapatan sederhana yang telah memberikan ataupun menunjukkan bantahan-bantahan mereka, bahkan kita terdapat sokongan-sokongan yang menunjukkan kegembiraan mereka dengan Belanjawan yang dibentangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti-parti Pembangkang nampaknya juga turut bersama-sama memberi ucapan tahniahnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah dapat membentangkan Belanjawan yang begitu baik dan yang begitu memuaskan kepada seluruh rakyat yang ada di dalam negara ini yang seterusnya boleh diterima oleh rakyat. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita terdapat pihak-pihak Pembangkang telah menyuarakan tidak kepuasan hatinya terhadap Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri.

Oleh yang demikian, nampaknya ucapan tahniah yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan itu seumpamalah memberikan kek yang dalamnya diisi dengan paku ataupun jarum yang akan mengakibatkan kita pula pada satu ketika membawa maut. Di dalam keadaan yang seumpama ini, ucapan-ucapan tahniah yang diberikan oleh parti-parti Pembangkang, Kerajaan Barisan Nasional hendaklah berhati-hati untuk menerima ucapan tahniah daripada pihak-pihak yang cuba mengabui mata rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan tadi Belanjawan yang telah dibentangkan dan boleh diterima pada keseluruhannya pihak kita dan saya juga dalam Dewan yang mulia ini ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan juga setinggi-tinggi tahniah kepada pihak yang berkenaan. Namun begitu, rakyat tentu tidak seharusnya mengeluh atas sedikit-sebanyak cukai-cukai

yang melibatkan mereka sendiri demi kepentingan negara di masa yang akan datang. Pada pendapat saya rakyat Malaysia yang cintakan negara ini patut berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah dapat memansuhkan beberapa cukai yang semata-mata bertujuan untuk meringankan beban kepada rakyat. Kita percaya Kerajaan sentiasa menitikberatkan kepentingan rakyat. Kerajaan juga sentiasa mencari jalan dan ikhtiar untuk memperbaiki keadaan hidup rakyat dengan tujuan untuk membasmikan kemiskinan dengan tujuan untuk mengseimbangkan kedudukan jurang perbezaan antara yang berada dengan yang tidak berada, dan rakyat juga perlu memberikan kerjasama yang penuh kepada Kerajaan untuk memajukan negara ini dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan itu Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyebutkan Kerajaan terpaksa mengorbankan kira-kira \$40 juta bagi memansuhkan beberapa cukai demi kepentingan rakyat jelata di negara ini. Pada himat saya rakyat sudah sepatutnya berterima kasih kepada Kerajaan termasuklah ahli-ahli Pembangkang yang ada di dalam Dewan ini bersama-sama memberikan ucapan terima kasihnya kepada Kerajaan yang sentiasa memberikan perhatian yang berat terhadap orang ramai dan sanggup pula berkorban demi kepentingan negara dan rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan negara yang sedang membangun ini Kerajaan Barisan Nasional nampaknya dari semasa ke semasa telah mengambil berat serta memerhatikan agar segala projek-projek yang sedang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga rancangan-rancangan yang di dalam susunan di peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri yang akan dijalankan dan mungkin akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini akan dapat terus berjalan dengan baik dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang baharu-baharu ini telah dapat membuat lawatannya ke Negeri Johor khususnya di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri untuk menengok dan melihat dengan matanya sendiri dan juga dengan lebih dekat lagi

berhubung dengan projek-projek yang sedang membangun dan juga projek-projek yang masih lagi di dalam rancangan-rancangan yang mana mungkin akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor sendiri. Oleh sebab pemergian ataupun lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia ke Negeri Johor itu memanglah pihak beliau sendiri sedar serta faham dengan sejelas-jelasnya kedudukan Negeri Johor yang begitu pesat, yang sedang membangun maka dengan keadaan inilah, dengan keadaan kesedaran bahawa Johor Bahru pada satu ketika kelak akan berubah corak di dalam jangka masa dua atau tiga tahun yang akan datang. Maka lawatan dengan puas hatinya pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

Malaysia itu bahawa Yang Amat Berhormat akan mengambil perhatian yang lebih berat dengan memberikan bantuan-bantuan yang diperlukan dari semasa ke semasa selain daripada bantuan segera yang telah diper-setujukan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan kerana projek perumahan bagi Negeri Johor sebanyak \$37.3 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Ahli Yang Berhormat? Kalau panjang lagi, boleh disambung pada hari esok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Rabu, 27hb November, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.